

JABATAN PERDANA MENTERI

1. Institut Kefahaman Islam Malaysia

FAKTA UTAMA

18.02.1992

Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]

RM327.81 juta

Terimaan geran Kerajaan setakat tahun 2022

RM79.91 juta

Jumlah keseluruhan perbelanjaan IKIM sepanjang tahun 2019 hingga 2021

Objektif penubuhan

Menjalankan aktiviti penyelidikan dan perundingan; menyediakan forum membincangkan dan menganalisis isu; mewujudkan kesedaran dan kefahaman tentang isu global yang mempunyai kesan terhadap umat Islam dan negara Islam; serta menjadi sumber maklumat kepada umat Islam di samping menyumbang ke arah penggubalan dasar

Aktiviti utama

Menjalankan aktiviti penyelidikan dan perundingan, penerbitan, media, seminar/bengkel/forum dan latihan

Jenis syarikat

Syarikat berhad menurut jaminan


1. LATAR BELAKANG

1.1. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) merupakan syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] pada 18 Februari 1992. Setakat tahun 2022, IKIM telah menerima peruntukan geran Kerajaan berjumlah RM327.81 juta yang disalurkan melalui JPM.

1.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif penubuhan IKIM adalah untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan perundingan; menyediakan forum membincangkan dan menganalisis isu; mewujudkan kesedaran dan kefahaman tentang isu global yang mempunyai kesan terhadap umat Islam dan negara Islam; serta menjadi sumber maklumat kepada umat Islam di samping menyumbang ke arah penggubalan dasar.

1.3. IKIM diterajui oleh 11 ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada 10 ahli bebas dan satu ahli bukan bebas. Pengerusi IKIM adalah Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif. Pengurusan IKIM diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah serta 10 Pengurus Besar/Pengarah/Ketua Unit dan tiga Pengarah Pusat Kajian. Pengisian perjawatan adalah sebanyak 145 (96.7%) daripada 150 jawatan yang diluluskan. Struktur organisasi IKIM adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA



Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, IKIM


1.4. Pendapatan utama IKIM terdiri daripada geran Kerajaan yang disalurkan melalui JPM dan digunakan untuk pengurusan operasi, pelaksanaan dasar dan program yang berkaitan. IKIM turut bekerjasama dengan kementerian/jabatan/agensi kerajaan, institut pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO), media dan badan luar negara serta syarikat swasta dalam memastikan peranan serta tanggungjawab masing-masing dipenuhi. IKIM menyumbang dan berkongsi kepakaran serta bekerjasama menghasilkan penyelidikan, laporan dan seminar. IKIM telah mendapatkan lesen pengoperasian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menjalankan aktiviti penyiaran radio.

1.5. Selain daripada peruntukan Kerajaan, IKIM juga memperoleh pendapatan melalui tajaan dan pengiklanan serta faedah atas pelaburan dana. Pendapatan ini digunakan untuk menjalankan aktiviti/program bagi pihak penaja, penyiaran iklan serta pelaburan dalam simpanan tetap dan unit amanah.

1.6. IKIM menyebar dan meningkatkan kefahaman Islam sebenar kepada masyarakat, pengikut agama, pendidik, pelajar dan lain-lain melalui pelaksanaan program/aktiviti,¹

¹ Seminar, forum, muzakarah, perbincangan meja bulat, pembentangan kertas kerja dan lain-lain.

penyiaran² serta penerbitan.³ Aktiviti ini dilaksanakan oleh empat bahagian/pusat/unit iaitu Bahagian Radio IKIM, Bahagian TV IKIM, Pusat Kajian, serta Unit Program dan Latihan. Pusat Kajian melibatkan tiga pusat iaitu Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Sains dan Alam Sekitar (KIAS) serta Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK). Keberkesanan aktiviti/program secara umumnya boleh dinilai antaranya melalui bilangan pendengar radio, penarafan radio, bilangan tontonan TV, bilangan peserta dan hasil penerbitan. Secara amnya, model operasi IKIM adalah seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan IKIM melalui pengurusan aktiviti penyelidikan dan media yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti syarikat meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti penyelidikan dan media. Aktiviti penyelidikan dan media dipilih untuk pengauditan kerana selaras dengan objektif

² Radio dan TV serta media sosial.

³ Buku, jurnal, akhbar dan lain-lain.

penubuhan dan merupakan aktiviti utama IKIM. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output melibatkan penilaian terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang terdiri daripada 10 KPI utama melibatkan semua bahagian/pusat kajian/unit di IKIM; bilangan penyelidikan pusat kajian; bilangan penerbitan pusat kajian; dan bilangan penyiaran baharu. Selain itu, pencapaian output turut melibatkan penilaian terhadap prestasi kewangan merangkumi kedudukan kewangan serta pendapatan daripada aktiviti penyelidikan dan media.

3.2. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan penglibatan penyelidik dan penerbitan bertaraf antarabangsa; pengukuhan imej IKIM; penarafan IKIM di radio, TV dan media sosial; serta pengiktirafan dan anugerah yang diterima. Pengurusan aktiviti dinilai berdasarkan aspek pengurusan aktiviti penyelidikan; pengurusan aktiviti media; pengurusan pengiklanan; pengurusan Koleksi Tamadun Islam (KTI); pengurusan keahlian IKIM; dan pengurusan aset tanah bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.

3.3. Bagi aspek tadbir urus korporat, pengauditan ini melibatkan penilaian terhadap lapan aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pengarah, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Ogos 2022.

3.4. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 merangkumi analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan IKIM serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan dan pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan terhadap aset radio dan TV serta KTI.

4.2. Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan IKIM yang telah diaudit oleh Tetuan Deloitte PLT (tahun kewangan 2019) serta Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi (tahun kewangan 2020 dan 2021).

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga September 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada IKIM telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 23 November 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai berdasarkan kepada KPI keseluruhan yang terdiri daripada 10 KPI utama melibatkan semua bahagian/pusat kajian/unit di IKIM. Selain daripada KPI keseluruhan, pencapaian output turut dinilai berdasarkan bilangan penyelidikan pusat kajian; bilangan penerbitan pusat kajian dan bilangan penyiaran baharu. Aspek prestasi kewangan turut diambil kira dalam menilai pencapaian output keseluruhan.

5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Pelan Strategik IKIM (PSI) telah menggariskan pelan tindakan yang mempunyai pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi, sasaran dan petunjuk prestasi selari dengan visi dan misi IKIM. Sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021, terdapat dua PSI yang telah dikeluarkan iaitu Pelan Strategik 2016 hingga 2020 dan Pelan Strategik 2021 hingga 2023.

- b. IKIM perlu mencapai 10 KPI utama melibatkan 537 sub-KPI yang ditetapkan dalam PSI bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Berdasarkan kepada Laporan Pencapaian PSI, didapati **pencapaian 10 KPI utama adalah antara 53.8% hingga 96.6%. Enam KPI utama mencapai lebih daripada 80% manakala empat KPI utama hanya mencapai antara 53.8% hingga 77.6%. Semakan terhadap sub-KPI mendapati IKIM berjaya mencapai 430 (80.1%) berbanding 537 sasaran yang ditetapkan dan hanya 107 (19.9%) tidak berjaya dicapai.** Butiran lanjut mengenai KPI adalah seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
PRESTASI KPI UTAMA BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	KPI UTAMA	TAHUN						JUMLAH		
		2019		2020		2021		S	C	%
		S	C	S	C	S	C	S	C	%
1.	Penyelidikan dan Perundingan Bermanfaat Besar	9	7	9	8	6	5	24	20	83.3
2.	Kecemerlangan Program Akademik dan Program Latihan	9	9	13	9	14	12	36	30	83.3
3.	Penerbitan Karya yang Bermutu	15	10	11	6	11	11	37	27	73.0
4.	Pemerkasaan Pengurusan Perpustakaan dan Pengarkibkan	7	7	7	4	13	12	27	23	85.2
5.	Pengukuhan Penyiaran	13	13	14	9	15	12	42	34	81.0
6.	Pengukuhan Penjenamaan	25	24	25	11	21	16	71	51	71.8
7.	Tadbir Urus Cemerlang	54	44	54	44	27	27	135	115	85.2
8.	Pembangunan Modal Insan Berprestasi Tinggi	22	17	21	14	24	21	67	52	77.6
9.	Pengurusan Kewangan dan Pemasaran	18	7	16	9	5	5	39	21	53.8
10.	Pengukuhan ICT	20	19	19	18	20	20	59	57	96.6
JUMLAH		192	157	189	132	156	141	537	430	-
%		-	81.8	-	69.8	-	90.4	-	80.1	-

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, IKIM

Nota: S - Sasaran

C - Capai

- c. Berdasarkan maklumat daripada IKIM, antara justifikasi KPI utama tidak tercapai adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
JUSTIFIKASI KPI UTAMA YANG TIDAK TERCAPAI

BIL.	KPI UTAMA	JUSTIFIKASI
1.	Penyelidikan dan Perundingan Bermanfaat Besar	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pelantikan jawatankuasa/majlis penasihat/agensi agama oleh pihak luar berkurangan dan berbeza setiap tahun. Kekosongan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ketua Pengarah IKIM antara bulan Ogos 2021 hingga Januari 2022.
2.	Kecemerlangan Program Akademik dan Program Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah penganjuran/pelaksanaan program yang terlalu sedikit disebabkan pandemik Covid-19. Penetapan tajuk dan tema program menjurus kepada perspektif Islam menyebabkan pengurangan penyertaan dari kalangan bukan Islam.
3.	Penerbitan Karya yang Bermutu	<ul style="list-style-type: none"> Pembatalan penganjuran majlis anugerah dan ketiadaan peluang bekerjasama dalam penerbitan buku fizikal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perubahan rancangan asal terjemahan buku, kesukaran penterjemahan usrah kepada bentuk buku.
4.	Pemerkasaan Pengurusan Perpustakaan dan Pengarkibkan	<ul style="list-style-type: none"> Pengurangan program IKIM menyebabkan pengurangan objek yang dimuat turun dari Sistem Pengurusan Aset Digital IKIM (IDAM). Pembatalan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur serta kesukaran pembekalan buku oleh pihak pembekal kerana PKP.
5.	Pengukuhan Penyiaran	<ul style="list-style-type: none"> Tiada penganjuran majlis anugerah, aktiviti promosi media dan penurunan jumlah pendengar radio sepanjang tempoh PKP. Kecenderungan pengguna ke laman web adalah lebih kepada untuk mendengar radio berbanding mengakses maklumat.

BIL.	KPI UTAMA	JUSTIFIKASI
6.	Pengukuhan Penjenamaan	<ul style="list-style-type: none"> Pengeciran kakitangan oleh organisasi media menyebabkan program IKIM sukar mendapat liputan media. Jumlah ruangan bagi penerbitan/penyiaran artikel di akhbar tempatan/media/laman web dikurangkan.
7.	Tadbir Urus Cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan penilaian spesifikasi sebut harga serta pengemukaan dokumen sokongan tuntutan yang tidak lengkap. Kerosakan kenderaan dan peralatan di pemancar/studio IKIM serta keutamaan pemberaan kepada kerosakan yang kritis.
8.	Pembangunan Modal Insan Berprestasi Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> Latihan/kursus dibatalkan sepanjang tempoh PKP.
9.	Pengurusan Kewangan dan Pemasaran	<ul style="list-style-type: none"> Pelaburan tidak mencapai sasaran keuntungan. Aktiviti jualan di luar, sewaan dewan dan fasiliti berkurangan dalam tempoh PKP.
10.	Pengukuhan ICT	<ul style="list-style-type: none"> Bajet diterima tidak mencukupi bagi penggantian kesemua peralatan.

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, IKIM

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

IKIM mengambil maklum mengenai KPI yang tidak dicapai.

Pendapat Audit	Pencapaian output bagi KPI IKIM berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah memuaskan. Kesemua KPI utama tidak dicapai, namun enam (60%) daripadanya telah mencapai antara 81% hingga 96.6%. Empat (40%) sasaran mencatatkan pencapaian kurang 80% iaitu antara 53.8% hingga 77.6%.
-----------------------	---

5.1.1.2. Bilangan Penyelidikan Pusat Kajian

- Selaras dengan objektif untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, tiga pusat kajian perlu melaksanakan bilangan penyelidikan seperti yang ditetapkan dalam sasaran kerja tahunan (SKT) yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Sebanyak tujuh penyelidikan disasarkan untuk dilaksanakan secara individu oleh Pusat EMAS dan SYARAK manakala 48 penyelidikan secara berkelompok oleh semua pusat kajian bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Pada tahun 2019 dan 2020, **hanya lima (71.4%) daripada tujuh penyelidikan secara individu berjaya dicapai, manakala tiada sasaran ditetapkan pada tahun 2021.** Pusat EMAS hanya mencapai satu daripada tiga sasaran ditetapkan pada tahun 2019 dan tidak menetapkan sasaran untuk tahun berikutnya. Pusat SYARAK pula telah mencapai kesemua

empat sasaran yang ditetapkan pada tahun 2019 dan 2020 manakala Pusat KIAS tidak menetapkan sebarang sasaran.

- c. Sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 59 (122.9%) penyelidikan secara berkelompok telah berjaya dicapai berbanding 48 sasaran. Pusat KIAS dan SYARAK telah mencapai semua sasaran yang ditetapkan, manakala **Pusat EMAS tidak berjaya mencapai dua daripada tujuh penyelidikan berkelompok yang disasarkan pada tahun 2021.**
- d. Sasaran penyelidikan tidak dicapai kerana lanjutan masa yang diluluskan susulan pandemik Covid-19, peletakan jawatan oleh penyelidik dan pembatalan bengkel yang telah dirancang. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PENYELIDIKAN
MENGIKUT PUSAT KAJIAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PELAKSANAAN	PUSAT KAJIAN	2019			2020			2021			JUMLAH KESELURUHAN	
		S	C	TC	S	C	TC	S	C	TC	S	C
Individu	EMAS	3	1	2	TB	TB	TB	TB	TB	TB	3	1
	KIAS	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
	SYARAK	3	3		1	1		TB	TB	TB	4	4
	Jumlah	6	4		1	1		-	-		7	5
Berkelompok	EMAS	5	7		5	6		7	5	2	17	18
	KIAS	3	5		5	5		6	6		14	16
	SYARAK	9	11		4	7		4	7		17	25
	Jumlah	17	23		14	18		17	18		48	59

Sumber: Laporan Pencapaian SKT Mengikut Pusat Kajian, IKIM

Nota: S - Sasaran

C - Capai

TC - Tidak Capai

TB - Tidak Berkенаan

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

IKIM mengambil maklum berkenaan KPI yang tidak mencapai sasaran kerana sebahagian penyelidikan memerlukan lanjutan masa disebabkan faktor pandemik Covid-19. Penyelidikan secara individu pada tahun 2019 tidak mencapai tahap kemajuan yang ditetapkan kerana peletakan jawatan oleh penyelidik pada 1 Julai 2019 dan pembatalan bengkel. Pusat EMAS telah membawa penyelidikan berkelompok tahun 2021 ke tahun 2022 dan dijangka selesai dalam tahun 2023.

Pendapat Audit | **Pencapaian output bilangan penyelidikan keseluruhan adalah baik kerana melebihi sasaran, namun masih terdapat sasaran yang tidak dicapai bagi satu daripada tiga pusat kajian.**

5.1.1.3. Bilangan Penerbitan Pusat Kajian

- a. Berdasarkan SKT yang telah diluluskan, IKIM turut menetapkan sebanyak 1,855 sasaran penerbitan hasil penyelidikan yang dikeluarkan oleh pusat kajian bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Bilangan sasaran mengikut kategori penerbitan hasil penyelidikan adalah seperti berikut:
 - i. 110 penulisan jurnal/buku/kertas polisi dan berkala;
 - ii. 266 penulisan kertas kerja/modul;
 - iii. 434 penulisan akhbar/laman web/majalah; dan
 - iv. 1,045 penyampaian radio/TV.
- b. Semakan terperinci mendapati setiap pusat kajian tidak mencapai sasaran penerbitan bagi kategori tertentu. **Pada tahun 2019, Pusat EMAS tidak mencapai tiga dari empat kategori penerbitan iaitu penulisan kertas kerja/modul; penulisan akhbar/laman web/majalah; dan penyampaian radio/tv. Pusat SYARAK pula tidak mencapai sasaran bagi dua daripada empat kategori penerbitan iaitu penulisan jurnal/buku/kertas polisi dan berkala; dan penulisan akhbar/laman web/majalah.**
- c. **Selain itu, Pusat SYARAK juga tidak mencapai kategori penulisan kertas kerja/modul pada tahun 2020 dan 2021 manakala Pusat KIAS tidak mencapai sasaran bagi kategori penulisan akhbar/laman web/majalah pada tahun 2020.**
- d. Sasaran penerbitan tidak dicapai kerana terdapat penyelidik yang perlu melaksanakan tugas lain, peletakan jawatan dan kesukaran mendapatkan tetamu jemputan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PENERBITAN
MENGIKUT PUSAT KAJIAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

KATEGORI	PUSAT KAJIAN	2019			2020			2021			JUMLAH KESELURUHAN		
		S	C	TC	S	C	TC	S	C	TC	S	C	%
Penulisan Jurnal/Buku/Kertas Polisi dan Berkala	EMAS	7	12		16	17		4	12		27	41	151.9
	KIAS	14	32		15	18		10	23		39	73	187.2
	SYARAK	20	19	1	13	16		11	20		44	55	125.0
	Jumlah	41	63		44	51		25	55		110	169	153.6
Penulisan Kertas Kerja/Modul	EMAS	35	33	2	19	22		29	41		83	96	115.7
	KIAS	32	35		21	21		30	39		83	95	114.5
	SYARAK	38	38		29	24	5	33	30	3	100	92	92.0
	Jumlah	105	106		69	67		92	110		266	283	106.4
Penulisan Akhbar/Laman Web/Majalah	EMAS	49	41	8	42	42		49	50		140	133	95.0
	KIAS	49	49		49	47	2	49	49		147	145	98.6
	SYARAK	52	46	6	47	47		48	50		147	143	97.3
	Jumlah	150	136		138	136		146	149		434	421	97.0
Penyampaian Radio/TV	EMAS	146	129	17	102	110		80	126		328	365	111.3
	KIAS	106	114		117	155		138	192		361	461	127.7
	SYARAK	94	104		134	134		128	135		356	373	104.8
	Jumlah	346	347		353	399		346	453		1,045	1,199	114.7
JUMLAH KESELURUHAN		642	652		604	653		609	767		1,855	2,072	111.7

Sumber: Laporan Pencapaian SKT Mengikut Pusat Kajian, IKIM

Nota: S - Sasaran C - Capai TC - Tidak Capai

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Ketidakcapaian sasaran penerbitan oleh Pusat EMAS pada tahun 2019 adalah kerana seorang penyelidik telah dilantik secara *ad-hoc* sebagai penyelaras kepada dua program akademik *ad-hoc* yang dilaksanakan dalam tempoh dua bulan berturut-turut. Selain itu, ketidakcapaian disebabkan oleh peletakan jawatan seorang penyelidik pada 1 Julai 2019 dan kesukaran mendapatkan tetamu luar untuk bersiaran dalam rancangan radio *Shaping Tomorrow*.

Tindakan penambahbaikan dengan memantau secara lebih teliti terhadap pelaksanaan dan pencapaian tugas penulisan akhbar telah dilakukan mulai tahun 2021 bagi memastikan tiada sasaran kerja yang tidak dicapai dan kelemahan dapat diatasi.

Pendapat Audit	Pencapaian output bilangan penerbitan keseluruhan adalah baik kerana melebihi sasaran, namun masih terdapat sasaran yang tidak dicapai oleh setiap pusat kajian bagi penerbitan tertentu.
-----------------------	--

5.1.1.4. Bilangan Penyiaran Baharu

- a. Berdasarkan KPI Teras Strategik 5 Pengukuhan Penyiaran, IKIM hendaklah mewujudkan antara tiga hingga lima program radio yang baharu dan satu hingga dua penambahan genre/pendekatan rancangan radio serta program TV bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- b. Jumlah program radio yang baharu bagi tempoh tersebut didapati melebihi sasaran iaitu 500% dan 140% masing-masing pada tahun 2019 dan 2020. Antara program baharu yang diterbitkan adalah Lensa Dunia Sains, Prihatin Ummah, Bicara Alam dan Refleksi Buku. Bilangan penambahan genre/pendekatan pula didapati mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 100% hingga 200%. Antara genre/pendekatan yang dilaksanakan adalah Rancangan Yasin Malam Jumaat, Rancangan Hijrahkan Laguku (siaran bersama TV AlHijrah) dan IKIM Bermunajat. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
BILANGAN PENYIARAN BAHARU BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

PETUNJUK PRESTASI	2019			2020			2021		
	S	C	%	S	C	%	S	C	%
Mewujudkan program radio yang baharu	3	15	500	5	7	140	TB	TB	TB
Penambahan kepelbagaian genre/pendekatan rancangan radio dan program TV	1	1	100	1	1	100	2	4	200

Sumber: SKT Bahagian Radio dan Laporan Pencapaian Teras Strategik 5, IKIM

Nota: S - Sasaran C - Capai TB - Tidak Berkenaan

Pendapat Audit | **Pencapaian output bilangan penyiaran baharu adalah sangat baik berdasarkan pencapaian sasaran yang ditetapkan.**

5.1.1.5. Prestasi Kewangan

Berdasarkan KPI Teras Strategik 9, Pengurusan Kewangan dan Pemasaran, prestasi kewangan IKIM dinilai berdasarkan kepada kedudukan kewangan serta pendapatan daripada aktiviti penyelidikan dan media. Penjelasan terperinci adalah seperti perenggan berikut:

a. Kedudukan Kewangan

- i. Sepanjang tahun 2019 hingga 2021, pendapatan IKIM adalah berjumlah RM84.26 juta merangkumi geran Kerajaan (RM49.52 juta), pendapatan operasi (RM18.05 juta), pelaburan (RM2.72 juta) dan lain-lain pendapatan (RM13.97 juta). Pendapatan operasi IKIM termasuk pendapatan daripada aktiviti penyelidikan dan media serta keahlian.
- ii. Pendapatan IKIM menunjukkan trend turun naik dengan penurunan sejumlah RM2.73 juta (9.5%) kepada RM25.94 juta pada tahun kewangan 2020 berbanding RM28.67 juta pada tahun 2019, manakala pendapatan pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM3.71 juta (14.3%) kepada RM29.65 juta.
- iii. Jumlah perbelanjaan IKIM dalam tempoh yang sama adalah RM79.91 juta terdiri daripada kos kakitangan, seminar, utiliti dan komunikasi, penyelenggaraan aset, susut nilai dan pelunasan aset, kos kewangan dan lain-lain. Perbelanjaan IKIM menunjukkan trend turun naik dengan penurunan sejumlah RM371,822 (1.4%) kepada RM26.32 juta pada tahun kewangan 2020 berbanding RM26.68 juta pada tahun 2019, manakala perbelanjaan pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM0.59 juta (2.2%) kepada RM26.91 juta.
- iv. Selain itu, trend pendapatan tidak konsisten sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021 memberi kesan terhadap aliran tunai yang mencatatkan trend penurunan dalam baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2019 sehingga 2021 daripada RM24.14 juta kepada RM11.19 juta. Margin lebihan bersih⁴ IKIM bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah baik kerana masih mencatatkan lebihan terkumpul. Lebihan bersih dicatatkan sebanyak 21.7% bagi tahun 2019 dan 47.5% pada tahun 2021 manakala pada tahun 2020 kurangan bersih dicatatkan sebanyak 14.1% seiring dengan trend turun naik lebihan atas pendapatan.
- v. Pulangan atas aset IKIM pada tahun 2019 hingga 2021 adalah baik kerana IKIM berjaya mencatatkan pulangan atas aset 1.96% pada tahun 2019 dan 2.21% pada tahun 2021 walaupun mencatatkan pulangan negatif

⁴ Margin lebihan bersih merupakan peratusan lebihan selepas cukai berbanding pendapatan operasi.

pada tahun 2020. Keadaan ini menunjukkan IKIM berupaya menjana keuntungan daripada penggunaan asetnya.

- vi. Secara keseluruhannya, IKIM mencatatkan lebihan sebelum cukai berjumlah RM1.99 juta pada tahun 2019 dan RM2.74 juta pada tahun 2021, manakala kurangan sebelum cukai pada tahun 2020 berjumlah RM379,671. Bagaimanapun, **kedudukan kewangan IKIM berada pada tahap stabil kerana masih mencatatkan lebihan terkumpul RM86.11 juta pada tahun 2021**. Trend naik turun kewangan IKIM sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021 dan kurangan yang dicatatkan pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19. Kedudukan kewangan IKIM bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6, Carta 3** dan **Carta 4**.

**JADUAL 6
KEDUDUKAN KEWANGAN IKIM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

BUTIRAN	2019	2020	2021
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pendapatan Operasi	8.37	4.18	5.50
Geran	14.51	15.01	20.00
Pendapatan dari Pelaburan	0.54	0.90	1.28
Pendapatan Lain	5.25	5.85	2.87
JUMLAH PENDAPATAN	28.67	25.94	29.65
Kos Operasi (Seminar, Utiliti dan Komunikasi, Pembaikan dan Penyelenggaraan Aset/Gelombang Udara/Infrastruktur)	7.68	7.29	6.94
Kos Kakitangan	13.00	13.38	13.59
Lain-lain Perbelanjaan	6.00	5.65	6.38
JUMLAH PERBELANJAAN	26.68	26.32	26.91
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI	1.99	(0.38)	2.74
Cukai	0.17	0.21	0.13
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI	1.82	(0.59)	2.61
LEBIHAN TERKUMPUL	60.22	59.63	*86.11
JUMLAH ASET	92.45	91.12	117.93
JUMLAH LIABILITI	32.23	31.50	31.82
JUMLAH EKUITI	60.22	59.63	86.11
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	92.45	91.12	117.93
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	24.14	17.97	11.19


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (*) - Termasuk penilaian semula tanah RM23,875,000

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



CARTA 4
TREND LEBIHAN SEBELUM CUKAI
DAN LEBIHAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021, IKIM

b. Pendapatan daripada Aktiviti Penyelidikan dan Media

- Sejumlah RM15.12 juta pendapatan dijana oleh IKIM sepanjang tahun 2019 hingga 2021 melalui aktiviti penyelidikan dan media. Pengiklanan dan penajaan yang merupakan pendapatan utama bagi radio dan TV IKIM didapati mengalami penurunan ketara sebanyak 60.7% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 disebabkan oleh perubahan dasar dan pandemik Covid-19. IKIM kembali mencatatkan kenaikan pendapatan RM2.01 juta melalui aktiviti penyelidikan dan media menjadi RM4.91 juta berbanding RM2.90 juta pada tahun 2020.
- Bagaimanapun, **pendapatan yang dijana ini masih belum berupaya menampung perbelanjaan khusus aktiviti penyelidikan dan media berjumlah RM19.76 juta. IKIM masih bergantung kepada geran Kerajaan dan keuntungan daripada pelaburan untuk membiayai perbelanjaan operasi seperti caj transmitter, caj streaming dan bayaran ikhtisas.** Geran Kerajaan yang diterima untuk tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah antara RM14.51 juta hingga RM20 juta setahun. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENJANAAN PENDAPATAN BERDASARKAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	2019		2020		2021		JUMLAH KESELURUHAN	
KATEGORI	HASIL (RM)	BELANJA (RM)	HASIL (RM)	BELANJA (RM)	HASIL (RM)	BELANJA (RM)	HASIL (RM)	BELANJA (RM)
Aktiviti Penyelidikan								
Penerbitan	126,623	108,924	89,150	97,370	92,801	175,333	308,574	381,627
Seminar/ penyelidikan	83,193	467,607	24,500	264,598	30,435	157,809	138,128	890,014
Jumlah	209,816	576,531	113,650	361,968	123,236	333,142	446,702	1,271,641
Aktiviti Media								
Radio	7,070,834	6,236,353	2,783,064	6,229,559	4,776,215	5,943,919	14,630,113	18,491,416
TV IKIM	20,840		5,458		14,184	81,585	40,482	
JUMLAH	7,091,674	6,236,353	2,788,522	6,229,559	4,790,399	6,025,504	14,670,595	18,491,416
JUMLAH KESELURUHAN	7,301,490	6,812,884	2,902,172	6,591,527	4,913,635	6,358,646	15,117,297	19,763,057

Sumber: Penyata Kewangan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021, IKIM

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Penurunan ketara pendapatan pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh perubahan dasar pengukuhan integriti IKIM selain disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP.

Penurunan aliran tunai pula disebabkan oleh pengurangan pendapatan operasi (tajaan iklan radio) dan keuntungan pelaburan. IKIM akan mendapatkan dana tambahan daripada Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan Radio IKIM, menyusun semula lokasi aset pelaburan dan mengenal pasti produk baharu yang berpotensi membantu meningkatkan pendapatan operasi IKIM sebagai tindakan penambahbaikan.

Pendapat Audit	Pencapaian output bagi aspek prestasi kewangan adalah baik kerana kedudukan kewangan IKIM adalah stabil dengan lebihan pendapatan terkumpul RM86.11 juta. Bagaimanapun, aliran tunai semakin menurun dan pendapatan operasi tidak berupaya untuk membiayai perbelanjaan operasi. IKIM masih bergantung kepada geran Kerajaan dan keuntungan pelaburan.
---------------------------	---

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

PSI dirangka dan dibangunkan dengan memberi tumpuan kepada keberhasilan oleh IKIM dalam jangka masa tertentu. Antara indikator yang ditetapkan ialah penglibatan

penyelidik dan penerbitan bertaraf antarabangsa; pengukuhan imej; penarafan IKIM di radio, TV dan media sosial; serta pengiktirafan dan anugerah yang diterima.

5.1.2.1. Penglibatan Penyelidik dan Penerbitan Bertaraf Antarabangsa

- a. Sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021, IKIM menetapkan sasaran antara sembilan hingga 12 penglibatan penyelidik dalam program/persidangan/jawatankuasa mesyuarat yang bertaraf/bersifat antarabangsa. Selain itu, sembilan hingga 18 hasil penyelidikan disasarkan untuk diterbitkan dalam penerbitan yang bertaraf antarabangsa.
- b. Jumlah penglibatan penyelidik bagi tempoh tersebut didapati melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu antara 183.3% hingga 383.3%. Jumlah hasil penyelidikan yang diterbitkan pula didapati telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 100% hingga 144.4%. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENGLIBATAN PENYELIDIK DAN PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAN
BERTARAF/BERSIFAT ANTARABANGSA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PETUNJUK PRESTASI	2019			2020			2021		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%
Jumlah penglibatan penyelidik IKIM dalam program/persidangan/jawatankuasa mesyuarat yang bersifat antarabangsa.	9	27	300.0	12	22	183.3	12	46	383.3
Jumlah hasil penyelidikan yang melibatkan IKIM diterbitkan dalam penerbitan yang bersifat antarabangsa.	9	13	144.4	9	11	122.2	18	18	100.0

Sumber: Laporan Pencapaian Teras 1, IKIM

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

Pendapat Audit | **Pencapaian keberhasilan bagi tahap penglibatan penyelidik dan penerbitan bertaraf antarabangsa adalah sangat baik berdasarkan pencapaian sasaran yang ditetapkan.**

5.1.2.2. Pengukuhan Imej IKIM

Pencapaian keberhasilan juga diukur berdasarkan aspek pengukuhan imej IKIM melalui penganjuran program; rujukan bidang kepakaran Islam; serta liputan media dan penyerahan resolusi/laporan.

a. Penganjuran Program

IKIM menetapkan 39 program akademik yang perlu dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Sepanjang tempoh tersebut, IKIM telah menganjurkan 59 program akademik berbanding sasaran 39 program yang antaranya terdiri daripada 12 siri kursus/bengkel, sembilan muzakarah pakar dan lapan forum/dialog seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PROGRAM AKADEMIK BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PROGRAM	TAHUN						JUMLAH KESELURUHAN	
	2019		2020		2021			
	S	P	S	P	S	P	S	P
Kolokium	23	4	6	1	10	0	39	5
Muzakarah Pakar		2		2		5		9
Forum/Dialog		7		0		1		8
Persidangan Meja Bulat		7		0		0		7
Wacana/Townhall		4		1		2		7
Kursus/Bengkel		7		2		3		12
Seminar		2		0		1		3
Webinar		0		0		3		3
Debat		1		0		0		1
Kumpulan Fokus		0		1		0		1
Pembentangan Penyelidikan		0		0		1		1
Pelancaran Buku		1		1		0		2
JUMLAH	23	35	6	8	10	16	39	59

Sumber: Laporan Pencapaian Teras 2 dan Laporan Tahunan 2019 hingga 2021, IKIM

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

b. Rujukan Bidang Kepakaran Islam

- i. IKIM menetapkan dua indikator bagi menilai pencapaian rujukan bidang kepakaran Islam. Indikator pertama adalah jumlah keanggotaan dalam jawatankuasa/majlis/penasihat badan atau agensi agama; dan indikator kedua adalah jumlah jaringan kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perundingan. Jumlah sasaran yang ditetapkan sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021 bagi indikator pertama adalah 172 keanggotaan manakala indikator kedua adalah sembilan atau lebih jaringan kerjasama.
- ii. Analisis Audit mendapati secara keseluruhan, kedua-dua indikator telah mencapai sasaran iaitu 199 (115.7%) dan 19 (211.1%) masing-masing bagi indikator pertama dan kedua. Semakan selanjutnya mendapati, jumlah keanggotaan dalam jawatankuasa/majlis penasihat badan-badan/agensi agama yang berkaitan di dalam dan luar negara

menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 daripada 67 kepada 69 keanggotaan. Namun, pada tahun 2021 menurun kepada 63 keanggotaan. Walaupun peratusan pencapaian meningkat dari tahun ke tahun tetapi didapati sasaran yang ditetapkan untuk jumlah keanggotaan tersebut semakin menurun. Penurunan sasaran adalah daripada 80 pada tahun 2019 kepada 60 pada tahun 2020 dan seterusnya menurun kepada 32 keanggotaan pada tahun 2021. Penurunan sasaran disebabkan oleh faktor pandemik Covid-19 dan PKP; serta penamatkan perkhidmatan individu yang berkepakanan.

- iii. Seterusnya, bagi indikator jumlah jaringan kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perundingan setiap pusat kajian, pencapaian adalah antara 166.7% hingga 233.3% melebihi sasaran yang ditetapkan. Antara jaringan kerjasama strategik pada tahun 2021 adalah dengan The Imam Bukhary International Scientific Research Center, The Center of Islamic Civilization, Uzbekistan dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Maklumat lanjut pencapaian adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PRESTASI KEANGGOTAAN DAN JARINGAN
KERJASAMA STRATEGIK BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PETUNJUK PRESTASI	2019			2020			2021			JUMLAH		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%	S	P	%
Jumlah keanggotaan dalam jawatankuasa/majlis penasihat badan-badan/agensi agama yang berkaitan dalam dan luar negara	80	67	83.8	60	69	115.0	32	63	196.9	172	199	115.7
Jumlah jaringan kerjasama strategik dalam penyelidikan dan perundingan oleh setiap pusat kajian	≥3	5	166.7	≥3	7	233.3	≥3	7	233.3	>9	19	211.1

Sumber: Laporan Pencapaian Teras 1, IKIM

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

c. Liputan Media dan Penyerahan Resolusi/Laporan

- i. IKIM menetapkan sasaran yang perlu dicapai bagi jumlah liputan media kebangsaan dan antarabangsa masing-masing adalah 305 dan 12. Jumlah sasaran yang ditetapkan bagi penyerahan resolusi/laporan penyelidikan pula, adalah sembilan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- ii. Pencapaian keseluruhan liputan media kebangsaan adalah 712 (233.4%) dan 26 (216.7%) bagi liputan media antarabangsa. **Bagaimanapun,**

jumlah liputan media di peringkat kebangsaan pada tahun 2020 hanya mencapai 72 (65.5%) kerana program yang dianjurkan oleh IKIM berkurangan susulan pandemik Covid-19.

- iii. Selain itu, pencapaian keseluruhan penyerahan resolusi/laporan penyelidikan kepada pihak berkepentingan adalah 13 (144.4%) berbanding sasaran. Bagaimanapun, **trend pencapaian didapati menurun daripada lapan pada tahun 2019 sehingga tidak mencapai sasaran pada tahun 2021 iaitu hanya satu (33.3%) resolusi/laporan penyelidikan diserahkan.** Ketidakcapaian ini disebabkan proses kelulusan tidak dapat dilaksanakan berikutan kekosongan jawatan Pengerusi dan Ketua Pengarah IKIM. Oleh itu, resolusi/laporan tersebut telah diserahkan kepada pihak berkepentingan pada tahun 2022. Prestasi liputan media dan penyerahan resolusi/laporan penyelidikan adalah seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
PRESTASI LIPUTAN MEDIA DAN PENYERAHAN
RESOLUSI/LAPORAN PENYELIDIKAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PETUNJUK PRESTASI	2019			2020			2021			JUMLAH		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%	S	P	%
Jumlah liputan media terhadap program yang dianjurkan oleh IKIM												
• Kebangsaan	110	339	308.2	110	72	65.5	85	301	354.1	305	712	233.4
• Antarabangsa	5	5	100.0	5	9	180	2	12	600	12	26	216.7
Resolusi/laporan penyelidikan yang telah tamat diserahkan kepada pihak berkepentingan sama ada di dalam atau luar IKIM	3	8	266.7	3	4	133.3	3	1	33.3	9	13	144.4

Sumber: Laporan Pencapaian Teras 1 dan 6, IKIM

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

**Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022
dan 7 Disember 2022**

Pemilihan keanggotaan dalam jawatankuasa/majlis penasihat dan badan/agensi adalah dengan berdasarkan kepada dua faktor iaitu jawatan Pegawai IKIM atau/dan kepakaran individu itu sendiri dalam bidang masing-masing. Dalam menetapkan sasaran keanggotaan, IKIM mengambil kira semua faktor menjadikan trend sasaran yang ditetapkan semakin menurun. Penurunan sasaran yang ketara dari tahun 2020 ke 2021 berikutan faktor pandemik dan PKP, menyebabkan indikator ini tidak menjadi fokus utama pada ketika itu tambahan

lagi apabila mantan Ketua Pengarah yang banyak mewakili jawatankuasa/majlis penasihat dan badan/agensi telah tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Ogos 2021.

Jumlah liputan media peringkat kebangsaan menurun disebabkan oleh pandemik Covid-19. Berdasarkan amalan terdahulu, resolusi/laporan penyelidikan akan disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi IKIM sebelum diedar kepada pihak berkepentingan. Serahan resolusi/laporan penyelidikan kepada pihak Kementerian atau pembuat dasar telah diteruskan pada tahun 2022 dengan memastikan proses semakan adalah teratur dan ditandatangani oleh Pengerusi IKIM yang baharu dilantik.

Trend pencapaian serahan resolusi/laporan penyelidikan menurun daripada tahun 2019 ke tahun 2021 kerana resolusi telah jarang dan kurang dihasilkan berikutan pandemik Covid-19 pada tahun 2020 hingga 2021 di samping ketiadaan Pengerusi IKIM bermula pada 29 Ogos 2021.

Pendapat Audit | **Pencapaian keberhasilan pengukuhan imej IKIM adalah baik kerana berjaya mencapai sasarannya kecuali jumlah liputan media peringkat kebangsaan dan bilangan penyerahan resolusi/laporan. Sasaran jumlah liputan media peringkat kebangsaan tidak dicapai pada tahun 2020, manakala bilangan resolusi/laporan yang diserahkan kepada pihak berkepentingan tidak dicapai pada tahun 2021.**

5.1.2.3. Penarafan IKIM di Radio, TV dan Media Sosial

- a. IKIM hendaklah mencapai keberhasilan aktiviti media yang diukur berdasarkan kepada pencapaian bilangan pendengar (*rating*), kedudukan (*ranking*), langganan, jumlah penonton dan pengikut. Pengukuran *rating* dan *ranking* radio dilaksanakan oleh syarikat penarafan dengan bayaran RM235,535 bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. *Ranking* ditentukan berdasarkan pencapaian *rating* keseluruhan yang dicapai setiap tahun. Pengukuran *ranking* dibahagikan kepada dua kategori iaitu stesen radio berbahasa Melayu terbaik dan radio komersial terbaik.
- b. IKIM mensasarkan *rating* radio IKIM antara 1.20 juta hingga 1.58 juta pendengar bagi tahun 2019 hingga 2021. *Rating* radio IKIM pada tahun 2019 mencapai 1.51 juta pendengar berbanding sasaran 1.35 juta. **Pada tahun**

2020 bilangan pendengar menurun sebanyak 210,000 (13.9%) menjadi 1.30 juta pendengar berbanding sasaran 1.58 juta.

Bagaimanapun, jumlah pendengar kembali meningkat sebanyak 140,000 (10.8%) menjadikan jumlah keseluruhan bilangan pendengar adalah 1.44 juta berbanding sasaran 1.2 juta pada tahun 2021. Penurunan bilangan pendengar pada tahun 2020 disebabkan pendengar yang mendengar radio dalam kenderaan menurun susulan PKP.

- c. IKIM mensasarkan *ranking* dalam kalangan kedudukan 10 stesen radio berbahasa Melayu terbaik pada tahun 2019 dan 2020 manakala sasaran *ranking* dalam kalangan kedudukan enam terbaik pada tahun 2021. IKIM berada pada kedudukan enam yang terbaik daripada 30 dan 31 stesen radio masing-masing pada tahun 2019 dan 2020 seperti disasarkan. **Bagaimanapun, ranking radio IKIM telah menurun satu tangga daripada kedudukan ke-6 kepada kedudukan ke-7 daripada 31 stesen radio berbahasa Melayu dan tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu ranking enam terbaik pada tahun 2021.**
- d. Walaupun IKIM tidak menetapkan sasaran bagi kedudukan radio secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati IKIM berjaya meletakkan Radio IKIM di *ranking* antara ke-10 dan ke-11 berbanding 49 hingga 51 stesen radio komersial sepanjang tahun 2019 hingga 2021.
- e. Prestasi radio IKIM juga dibantu oleh TV IKIM sebagai medium untuk mengukuhkan penyampaian kefahaman Islam dengan lebih berkesan. IKIM mula menetapkan sasaran pencapaian jumlah penonton laman web TV IKIM pada tahun 2021 iaitu peningkatan 3% (78,019 penonton) berbanding tahun 2020 seramai 75,747 penonton. Bagaimanapun, sasaran tidak dicapai apabila **jumlah penonton mengalami penurunan sebanyak 25.5% menjadi 56,433 penonton pada tahun 2021.** Penurunan ini berlaku kerana penonton lebih tertumpu kepada program berunsur hiburan dan tiada penerbitan secara fizikal atau di lapangan yang menarik minat penonton.
- f. Selain itu, IKIM turut menggunakan platform media sosial (Laman Digital Media IKIM) dalam mewujudkan kesedaran, kefahaman dan menjadi sumber maklumat. Sasaran bagi platform ini adalah peningkatan langganan antara 3% hingga 10%. Sambutan terhadap platform media sosial IKIM didapati menunjukkan peningkatan sepanjang tempoh 2019 hingga 2021 antara 1.9%

hingga 358% kecuali bagi jumlah *likes* di Facebook yang menunjukkan penurunan langganan sebanyak 9% pada tahun 2021 dan peningkatan hanya 2% pada tahun 2020 berbanding sasaran peningkatan 3%. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
PRESTASI BILANGAN PENDENGAR, KEDUDUKAN,
LANGGANAN, TONTONAN DAN PENGIKUT BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PETUNJUK PRESTASI	2019			2020			2021		
	S	P	%	S	P	%	S	P	%
1. Rating Radio IKIM	1.35 juta	1.51 juta	111.1	1.58 juta	1.3 juta	82.3	1.2 juta	1.44 juta	120
2. Ranking (Radio Berbahasa Melayu sahaja) • Laporan Penarafan	1-10	6 daripada 30 stesen	100	1-10	6 daripada 31 stesen	100	1-6	7 daripada 31 stesen	0
3. Ranking Keseluruhan (Radio Komersial) • Laporan Penarafan	TB	11 daripada 49 stesen	TB	TB	10 daripada 50 stesen	TB	TB	11 daripada 51 stesen	TB
4. Rating TV IKIM (diukur melalui perisian Sprout Social)	TB	TB	TB	TB	75,747	TB	↑3% (78,019)	56,433	↓25.5
5. Peningkatan Langganan, Tontonan Dan Pengikut Laman Digital Media IKIM:									
i. Laman Web - Peningkatan 5% Page View	-	1.03 juta	TB	+5% (1.08 juta)	+358% (4.72 juta)	7,160	+5% (4.96 juta)	+1.9% (4.81 juta)	38.8
ii. Facebook - Peningkatan 3% Likes Facebook	+3% (0.86 juta)	+12% (0.98 juta)	400	+3% (1.01 juta)	+2% (1.0 juta)	66.7	+3% (1.03 juta)	(9%) (0.91 juta)	(300)
iii. Youtube - Peningkatan 3% Subscribe Channel Youtube	+3% (4,743)	+143% (11,200)	4,766.7	+3% (11,536)	+86% (20,800)	2,866.7	+3% (21,424)	+48.7% (30,929)	1,623.3
iv. Instagram - Peningkatan 10% Followers Instagram	+10% (0.28 juta)	+18.5% (0.31 juta)	185	+10% (0.34 juta)	+9% (0.33 juta)	90	+10% (0.37 juta)	+2.5% (0.34 juta)	25

Sumber: Laporan Pencapaian Teras 5 dan Laporan Syarikat Penarafan, IKIM

Nota: S - Sasaran

P - Pencapaian

TB - Tidak Berkenaan

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Berdasarkan kaji selidik oleh syarikat penarafan, penurunan penarafan Radio IKIM di kalangan stesen berbahasa Melayu disebabkan jumlah pendengar Radio Nasional FM berjaya mengatasi pendengar Radio IKIM.

IKIM telah mengadakan bengkel pemantapan perancangan penerbitan rancangan radio untuk tahun 2022 pada 11 dan 12 November 2021. Aktiviti promosi turut dijalankan semasa pelaksanaan kaji selidik dengan menerbitkan lagu single

nyanyian penyampai radio, menganjurkan program Gemersik Maulid dan Kuiz Aspirasi. Di samping itu, IKIM berpendapat jumlah penonton dan *likes* TV IKIM di media sosial dapat ditingkatkan dengan melanggan ‘Paid Posting’ untuk sebaran yang lebih meluas. Perancangan tersebut akan mula dilaksanakan pada tahun 2023.

Pendapat Audit | Secara umumnya pencapaian keberhasilan penarafan IKIM di radio, TV dan media sosial pada tahap memuaskan sahaja kerana *ranking* radio IKIM di kalangan stesen berbahasa Melayu; jumlah penonton TV IKIM; dan jumlah *likes* Facebook menurun pada tahun 2021 berbanding sasaran.

5.1.2.4. Pengiktirafan dan Anugerah yang Diterima

Berdasarkan perkhidmatan, sumbangan dan usaha dalam meningkatkan kefahaman Islam, semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, radio dan TV IKIM berjaya mendapat anugerah dalam pelbagai kategori. Tiga anugerah diterima pada tahun 2019, satu pada tahun 2020 dan dua pada tahun 2021. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PENGIKTIRAFAN/ANUGERAH YANG DITERIMA IKIM
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN
2019	Media Halal Meembar Dalam Kategori Media Penyiaran Radio Melalui Penerbitan Rancangan Bicara Halal IKIM
	Wira Vaksin Sempena “Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan”
	Media Halal Meembar Melalui Laporan Khas Bertajuk Mencari Yang Halal Itu Wajib
2020	Penghargaan Media 2019 Cybersecurity
2021	Anugerah Khas <i>Islamic Quality Standard For Islamic Media & Communication</i>
	Penghargaan Media sempena Majlis Apresiasi Pengerusi MAIWP bersama Pengamal Media

Sumber: Laporan Tahunan IKIM 2019 hingga 2021

Pendapat Audit | Pencapaian keberhasilan pengiktirafan dan anugerah yang diterima adalah sangat baik kerana IKIM berjaya mendapat enam anugerah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

5.2. Pengurusan Aktiviti

Enam aspek yang dinilai bagi pengurusan aktiviti iaitu pengurusan aktiviti penyelidikan; pengurusan aktiviti media; pengurusan pengiklanan; pengurusan KTI; pengurusan keahlian IKIM; dan pengurusan aset tanah. Penjelasan lanjut diterangkan dalam perenggan seterusnya.

5.2.1. Pengurusan Aktiviti Penyelidikan

Selaras dengan objektif untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan perundingan berkenaan peranan Islam, IKIM telah menjalankan 14 penyelidikan⁵ bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Senarai, status dan hasil penyelidikan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 14**. IKIM telah mengurus dan melaksanakan aktiviti penyelidikan mengikut perancangan, peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan dengan teratur kecuali perkara berikut:

5.2.1.1. Pemakluman Kelulusan Pelaksanaan Penyelidikan kepada Lembaga Pengarah

- a. Prosedur Penyelidikan perkara 4.1 menetapkan Jawatankuasa Akademik/Ketua Pengarah perlu memaklumkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk setiap penyelidikan yang akan dijalankan.
- b. Enam daripada 14 penyelidikan yang dijalankan telah dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat bertarikh 15 Mei 2019 manakala **Iapan (57.1%) penyelidikan tidak dimaklumkan dalam mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021**. Kelulusan pelaksanaan penyelidikan ini tidak dimaklumkan kerana terdapat perubahan pada agenda mesyuarat. Perkara ini tidak selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Status pemakluman penyelidikan kepada Lembaga Pengarah adalah seperti dalam **Jadual 14**.

⁵ Jumlah penyelidikan yang dinyatakan dalam Jadual 3 adalah berbeza daripada Jadual 14 kerana terdapat penyelidikan dijalankan secara kerjasama antara pusat kajian di mana setiap pusat melaporkan tajuk penyelidikan yang sama dalam SKT masing-masing. Selain itu, tempoh penyelidikan melebihi satu tahun serta dilaporkan setiap tahun turut menjadi sebab jumlah penyelidikan berganda di dalam SKT untuk tempoh tahun 2019 hingga 2021.

JADUAL 14
SENARAI PENYELIDIKAN DAN STATUS PEMAKLUMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	PENYELIDIKAN				MAKLUM KEPADA LEMBAGA PENGARAH [Ya(✓)/Tidak (X)]
	TAJUK	TEMPOH	STATUS	HASIL	
Pusat Kajian KIAS					
1.	<i>Worldview of Islam for Living and Leading: Thinking With Wisdom</i>	15.07.2019 - 30.12.2020		6 Modul untuk Kursus	✓
2.	Pemetaan Modul Integrasi Islam dan Sains Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains	01.09.2019 - 31.08.2021	Selesai	<ul style="list-style-type: none"> Buku terbitan IKIM Kertas Kerja (Webinar) Penganjuran Webinar/Program radio Makalah Penyampaian/Seminar/Bengkel/ Konvensyen Penyertaan Program 	✓
3.	Pembekuan Sel Gamet daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam	01.11.2020 - 31.12.2021	Belum Selesai	TB	X
4.	Kefahaman dan Penerimaan Mahasiswa Muslim Terhadap Sains dan Teknologi	01.10.2021 - 31.03.2023			X
5.	Kefahaman Tentang Kreativiti dan Inovasi dari Perspektif Islam dalam Kalangan Mahasiswa Muslim	15.01.2022 - 15.07.2023			X
Pusat Kajian EMAS					
6.	Gaji Kehidupan Wajar dan Perbahasananya Dalam Islam	01.10.2019 - 31.12.2020	Selesai	Buku Kecil (Karya Asli)/Artikel Jurnal	✓
7.	Indeks Literasi Kewangan Islam dalam Kalangan Muslim di Malaysia	02.01.2019 - 31.12.2019	Belum Selesai	TB	✓
8.	<i>Praiseworthy Leadership: Success Built to Last in Islam</i>	03.01.2022 - 31.07.2023			X
Pusat Kajian SYARAK					
9.	Islam Kepelbagaian dan Hubungan antara Penganut Agama	01.11.2019 - 31.10.2021	Selesai	<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan • Dialog Antara Penganut Agama • Seminar/Persidangan/ Meja Bulat • Program Radio 	✓
10.	Kajian Awal Terhadap Kefahaman Muslim Bandar Tentang Agama dan Kebebasan	01.06.2019 - 18.01.2020		Laporan diserahkan kepada JAKIM dan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia	X
11.	Soal Jawab Kefahaman Islam	08.2019 - 08.2020		<ul style="list-style-type: none"> • Karya Asli Siri Monograf • Makalah Akhbar • Pengisian Radio 	X
12.	Pelaksanaan Integrasi Kaedah Aqli dan Naqli dalam Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia	01.11.2019 - 01.11.2020		<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Kajian Penambahbaikan Integrasi Akal-Naql dalam Sistem Kurikulum Pendidikan Islam • Penulisan Makalah 	✓

BIL.	PENYELIDIKAN				MAKLUM KEPADA LEMBAGA PENGARAH [Ya(✓)/ Tidak (X)]
	TAJUK	TEMPOH	STATUS	HASIL	
13.	Kajian Keberkesanan Fatwa di Malaysia: Analisa Aspek Perundungan dan Kewibawaan Keahlian Anggota Fatwa	01.10.2021 - 30.09.2022	Belum Selesai	TB	X
14.	Kajian Tentang Tahap Kefahaman Penjawat Awam Muslim di Malaysia Berkaitan Hak Asasi Manusia	01.01.2022 - 31.05.2023			X

Sumber: Pusat Kajian KIAS, EMAS dan SYARAK dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi Tempoh Tahun 2019 hingga 2021, IKIM

Nota: TB - Tidak Berkenaan

5.2.1.2. Pengurusan Permohonan Kelulusan Tempoh Lanjutan Masa Penyelidikan

- Prosedur Penyelidikan perkara 4.1 menyatakan sebarang pindaan jadual pelaksanaan penyelidikan hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada Jawatankuasa Akademik/Ketua Pengarah untuk mendapat pertimbangan dan keputusan bagi tujuan lanjutan tempoh kajian.
- Sebanyak 11 lanjutan masa telah dimohon oleh penyelidik bagi tujuh (50%) daripada 14 penyelidikan dalam tempoh tahun 2019 hingga 2021. Lima lanjutan masa didapati telah diluluskan sebelum tamat tempoh kajian. **Satu (9.1%) lanjutan masa didapati tidak mempunyai kelulusan dan lima (45.5%) lanjutan masa lewat diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik/Ketua Pengarah antara tujuh hingga 58 hari selepas tempoh sepatutnya.** Perkara ini menunjukkan pengurusan kelulusan lanjutan masa adalah tidak selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Maklumat lanjut tempoh lanjutan masa penyelidikan adalah seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
PERMOHONAN KELULUSAN TEMPOH LANJUTAN MASA PENYELIDIKAN

BIL.	TAJUK PENYELIDIKAN	TEMPOH PENYELIDIKAN ASAL	TEMPOH LANJUTAN PENYELIDIKAN				TARIKH DAN TEMPOH PENYELIDIKAN SELESAI
			BIL.	TEMPOH	TARIKH KELULUSAN	TEMPOH LEWAT (Hari)	
1.	Indeks Literasi Kewangan Islam Dalam Kalangan Muslim di Malaysia	02.01.2019 - 31.12.2019	1	01.01.2020 - 31.12.2021 (24 bulan)	08.01.2020	8	Belum Selesai
			2	01.01.2022 - 31.12.2022 (12 bulan)	15.11.2021	-	
2.	Kajian Awal Terhadap Kefahaman Muslim Bandar Tentang Agama dan Kebebasan	01.06.2019 - 18.01.2020	1	19.01.2020 - 28.02.2020 (40 hari)	29.01.2020	10	29.06.2020 (394 hari)
3	<i>Worldview Of Islam For Living and Leading: Thinking With Wisdom</i>	15.07.2019 - 30.12.2020	1	31.12.2020 - 31.01.2021 (1 bulan)	08.12.2020	-	Selesai
4.	Soal Jawab Kefahaman Islam	08.2019 - 08.2020	1	01.09.2020 - 28.02.2021 (6 bulan)	14.10.2020	44	30.11.2021 (821 hari)
			2	01.03.2021 - 31.08.2021 (6 bulan)	27.04.2021	58	
5.	Gaji Kehidupan Wajar dan Perbahasananya dalam Islam	01.10.2019 - 31.12.2020	1	01.01.2021 - 30.06.2021 (6 bulan)	07.01.2020	7	30.11.2021 (791 hari)
			2	01.07.2021 - 30.09.2021 (3 bulan)	18.06.2021	-	
6.	Pelaksanaan Integrasi Kaedah Aqli dan Naqli dalam Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia	01.11.2019 - 01.11.2020	1	02.11.2020 - 31.12.2020 (2 bulan)	Tiada Kelulusan		30.11.2021 (791 hari)
			2	01.01.2021 - 31.03.2021 (3 bulan)	25.11.2020	-	
7.	Pembekuan Sel Gamet Daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam	01.01.2021 - 31.12.2021	1	01.01.2022 - 30.06.2022 (6 bulan)	14.12.2021	-	Belum Selesai

Sumber: Borang Permohonan Penyelidikan dan Memo Penamatan Penyelidikan, IKIM

- c. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan prosedur penyelidikan yang dikeluarkan tidak menetapkan tempoh lanjutan masa boleh diberi kepada penyelidik dan tempoh untuk Jawatankuasa Akademik/Ketua Pengarah memberi kelulusan bagi setiap permohonan lanjutan masa.

5.2.1.3. Pengurusan Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU)

- a. Sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan penyelidikan dalam pelbagai bidang kajian, IKIM menjalankan kerjasama strategik dengan institusi dan organisasi yang berkaitan di dalam dan di luar negara melalui MoA dan MoU. Penilaian pengurusan MoA dan MoU adalah terhadap aspek pelaksanaan skop dan bidang kerjasama mengikut tempoh yang ditetapkan. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan bahawa tahap pengurusan MoA dan MoU adalah cekap. Sebanyak lapan kerjasama telah dilaksanakan dengan tiga (37.5%) daripadanya telah tamat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Senarai kerjasama yang dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16
SENARAI KERJASAMA YANG
DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

BIL.	PIHAK TERLIBAT	TEMPOH PERJANJIAN	STATUS
MEMORANDUM OF AGREEMENT			
1.	Universiti Sains Malaysia (USM) dan IKIM	30.09.2019 - 30.09.2021	Tamat
MEMORANDUM OF UNDERSTANDING			
2.	WWF-Malaysia dan IKIM	07.2015 - 03.2019	Tamat
3.	Universiti Malaya (UM) dan IKIM	01.03.2019 - 28.2.2021	Tamat
4.	The Center of Islamic Civilisation, Uzbekistan dan IKIM	05.06.2020 - 04.06.2025	Belum Tamat
5.	The Imam Bukhary International Scientific Research Center and IKIM		Belum Tamat
6.	International Islamic Academy of Uzbekistan and IKIM		Belum Tamat
7.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan IKIM	10.02.2021 - 09.02.2026	Belum Tamat
8.	USM dan IKIM	01.05.2022 - 01.05.2024	Belum Tamat

Sumber: Perjanjian MoA dan MoU, IKIM

- b. Skop dan bidang kerjasama yang ditetapkan dalam MoA dan MoU hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati **satu daripada tiga kerjasama yang telah tamat tidak melaksanakan sepenuhnya skop yang ditetapkan**. Kerjasama (MoU) yang terlibat adalah dengan Universiti Malaya. Kerjasama ini telah dilaksanakan selama dua tahun bermula 1 Mac 2019 hingga 28 Februari 2021 dan sebanyak lima skop telah ditetapkan. Bagaimanapun, **tiga daripada lima skop tersebut tidak dilaksanakan**. Skop yang tidak dilaksanakan adalah latihan industri untuk ahli akademik/pelajar di firma perancang yang berdaftar dengan IKIM; aktiviti penyelidikan bersama; serta pertukaran penerbitan, laporan, bahan dan maklumat akademik. Aktiviti kerjasama ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor pandemik Covid-19.

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Tajuk penyelidikan yang dirancang untuk dilaksanakan akan dilaporkan dalam Laporan Ringkasan Eksekutif oleh Ketua Pengarah dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk pemakluman. Bermula bulan Februari 2019, mantan Pengerusi IKIM telah membuat perubahan pada agenda mesyuarat Lembaga Pengarah. Laporan Ringkasan Eksekutif tidak menjadi agenda pembentangan dan akan dimasukkan dalam agenda Perutusan Pengerusi. Lapan penyelidikan tersebut telah mendapat kelulusan Pengerusi IKIM namun tidak dinyatakan secara terperinci dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Sebagai penambahbaikan, senarai tajuk penyelidikan yang dirancang untuk dilaksanakan akan diminit dan dilampirkan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah selepas mendapat kelulusan mesyuarat. IKIM juga akan meneliti dan memperkemaskan SOP Penyelidikan agar proses kerja lebih teratur dan cekap serta mematuhi SOP yang telah ditambah baik.

Prosedur Penyelidikan sedia ada akan diperkemaskan dan ditambah baik dengan memperincikan tempoh permohonan lanjutan masa penyelidikan perlu dikemukakan sebelum tempoh penyelidikan asal tamat agar isu kelewatan tidak berulang. Tindakan penambahbaikan dijangka selesai pada 2023.

Sebahagian aktiviti kerjasama dengan Universiti Malaya tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor pandemik Covid-19.

Pendapat Audit | Secara keseluruhan, pengurusan aktiviti penyelidikan adalah memuaskan. Kelemahan berlaku bagi pengurusan pemakluman kelulusan pelaksanaan penyelidikan, tempoh meluluskan lanjutan masa dan pencapaian pelaksanaan skop bidang kerjasama antara IKIM dengan pihak luar.

5.2.2. Pengurusan Aktiviti Media

Aktiviti Media IKIM merangkumi dua aktiviti iaitu radio dan TV internet yang masing-masing dikenali sebagai IKIMfm dan TV IKIM. Radio IKIM yang dilancarkan pada tahun 2001 merupakan satu-satunya stesen radio berkonsepkan pendekatan Islam yang beroperasi selama 24 jam sehari. TV IKIM pula memulakan operasi secara rasmi pada tahun 2012. Kedua-dua media ini berfungsi sebagai medium pengukuhan penyampaian kefahaman Islam dengan lebih berkesan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Aktiviti radio antaranya ialah penerbitan program Bual Bicara, Ceramah, Kapsul

Akademik, berita dan pengiklanan manakala TV IKIM melibatkan pelbagai aktiviti rakaman dan penerbitan rancangan seperti Dokumentari, Kapsul, Bual Bicara dan Pesanan Khidmat Masyarakat. IKIM telah mengurus dan melaksanakan aktiviti media mengikut perancangan, peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati aktiviti media telah dilaksanakan dengan teratur kecuali perkara berikut:

5.2.2.1. Kelulusan Penerbitan Rancangan Radio

- a. Prosedur Penerbitan Program Radio IKIM menetapkan penerbit hendaklah menyediakan kertas cadangan disertakan dengan Borang Kelulusan Penerbitan Rancangan Baharu Pusat Media bagi cadangan penerbitan program radio sama ada daripada arahan Ketua Pengarah atau hasil perbincangan dengan Pengarah Pusat Media dan Pengurus Program Radio. Borang Kelulusan perlu mendapat sokongan I daripada Pengurus Program Radio dan sokongan II oleh Pengarah Pusat Media. Seterusnya borang tersebut perlu diserahkan kepada Ketua Pengarah untuk diluluskan. Program yang telah mendapat kelulusan seterusnya akan melalui proses penerbitan program.
- b. Sebanyak 25 sampel Borang Kelulusan telah disemak dan **11 (44%) daripadanya didapati telah diterbitkan/disiarkan sebelum mendapat kelulusan Ketua Pengarah.** Tempoh kelewatan kelulusan adalah antara empat hingga 99 hari daripada tarikh program diterbitkan/disiarkan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan penetapan tempoh masa dalam membuat permohonan dan memberi kelulusan sebelum sesuatu program diterbit/disiarkan. Kelewatan kelulusan dan penerbitan program sebelum kelulusan boleh menimbulkan risiko kandungan penerbitan tidak sesuai atau melanggar peraturan. Butiran terperinci berkenaan kelewatan kelulusan adalah seperti dalam **Jadual 17.**

**JADUAL 17
KELULUSAN PENERBITAN RANCANGAN BAHARU**

BIL.	TAJUK RANCANGAN	PROGRAM	TARIKH MULA SIARAN (a)	TARIKH KELULUSAN KETUA PENGARAH (b)	TEMPOH (a) - (b) (Hari)
1.	Generasi	Temu Bual	03.01.2019	12.04.2019	99
2.	Suara Kemanusiaan	Temu Bual	04.03.2019	12.04.2019	39
3.	Tanyalah Doktor	Temu Bual	05.03.2019	12.04.2019	38
4.	Analisis	Temu Bual	06.04.2019	29.04.2019	23
5.	Inspirasiku	Temu Bual	07.04.2019	29.04.2019	22
6.	Minda Islam	Bual Bicara	24.01.2020	28.02.2020	35

BIL.	TAJUK RANCANGAN	PROGRAM	TARIKH MULA SIARAN (a)	TARIKH KELULUSAN KETUA PENGARAH (b)	TEMPOH (a) - (b) (Hari)
7.	Celik Pewarisan dan Baitulmal	Bual Bicara	02.06.2020	09.06.2020	7
8.	Rancangan Khas Maulidur Rasul Tahun 2020/1442H	Bual Bicara	29.10.2020	02.11.2020	4
9.	Forum Bicara Ad-Din	Bual Bicara/ Forum	01.01.2021	12.01.2021	11
10.	Bicara Mufti	Bual Bicara	01.01.2021	27.01.2021	26
11.	Hayatus Solihin	Bual Bicara	20.05.2021	25.05.2021	5

Sumber: Borang Kelulusan Penerbitan Rancangan Baharu Pusat Media, IKIM

Maklum balas IKIM yang diterima pada 7 Disember 2022

Tempoh permohonan kelulusan penerbitan rancangan baharu sebelum bersiaran telah ditetapkan. Tindakan penambahbaikan juga telah dilaksanakan iaitu penambahan butiran tarikh permohonan pada Borang Kelulusan Penerbitan Rancangan Baharu dengan tempoh pengemukaan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum rancangan disiarkan. Borang tersebut akan mula digunakan pada tahun 2023.

5.2.2.2. Penilaian Program/Rancangan

- Berdasarkan Laporan Radio Audience Measurement (RAM) yang dikeluarkan oleh syarikat penarafan, **sebanyak 12 daripada 19 program/rancangan menunjukkan penurunan pendengar dua tahun berturut-turut** antaranya Motivasi Pagi (Isnin hingga Jumaat, 19:30-19:45), Syariah dan Perundangan (Selasa, 10:15-11:00) dan Topik Jumaat/Minda Islam (Jumaat, 08:30-09:30) dengan kadar penurunan keseluruhan antara 2% hingga 48.9%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PROGRAM/RANCANGAN YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PENDENGAR

BIL.	PROGRAM	RANCANGAN	HARI DAN MASA	TAHUN/PENDENGAR			
				2019		2020	
				BIL. (Ribu)	BIL. (Ribu)	%	BIL. (Ribu)
1.	-	Al-Quran/ Azan	Isnin hingga Jumaat (19:00-19:30)	200	180	10.0	92
2.	Ceramah	Motivasi Pagi (Ulangan)	Isnin hingga Jumaat (19:30-19:45)	151	118	21.9	79
3.	Temu Bual	Syariah dan Perundangan	Selasa (10:15-11:00)	117	100	14.5	74

BIL.	PROGRAM	RANCANGAN	HARI DAN MASA	TAHUN/PENDENGAR					
				2019		2020		2021	
				BIL. (Ribu)	BIL. (Ribu)	%	BIL. (Ribu)	%	
4.	Bual Bicara	Topik Jumaat/ Minda Islam	Jumaat (08:30 - 09:30)	283	208	26.5	156	25.0	
5.	-	Pengumuman Waktu Solat Isyak	Isnin hingga Ahad (19:45-20:00)	177	123	30.5	103	16.3	
6.	Temu Bual	Inspirasiku/ Topik Pagi	Selasa (08:30-09:30)	245	201	17.9	173	13.9	
7.	-	Tajuk Utama Akhbar	Isnin hingga Jumaat (07:00-07:30)	397	384	3.3	338	12.0	
8.	Ceramah	Tafsir Al- Quran	Isnin hingga Jumaat (20:00-20:15)	136	84	38.2	78	7.1	
9.	Ceramah	Motivasi Pagi	Isnin hingga Jumaat (07:30-07:45)	383	361	5.7	341	5.5	
10.	Bual Bicara	Dari Hati/ Kemudi Hati	Jumaat (21:00-23:00)	65	38	41.5	36	5.3	
11.	-	Berita IKIM	Isnin hingga Jumaat (08:00-08:30)	498	409	17.9	397	2.9	
12.	Bual Bicara	Resolusi	Rabu (12:15-13:00)	64	51	20.3	50	2.0	
13.	Temu Bual	Fas' Aluna (Ulangan)	Ahad (23:00-24:00)	29	29	0.0	17	41.4	
14.	Bual Bicara	Dunia Ekonomi	Isnin (12:15-13:00)	59	79	33.9	53	32.9	
15.	Ceramah	Klinik Jawi	Khamis (15:15-16:00)	47	80	70.2	58	27.5	
16.	-	Berita IKIM	Isnin hingga Jumaat (16:00-16:15)	169	205	21.3	152	25.9	
17.	Temu Bual	Rahmatan Lil' Alamin	Rabu (10:15-11:00)	90	105	16.7	90	14.3	
18.	-	Al-Quran/Azan	Isnin hingga Jumaat (16:15-17:00)	167	239	43.1	213	10.9	
19.	Bual Bicara	Maulid @ IKIM/Hayatus Solihin	Khamis (21:00-22:00)	32	33	3.1	32	3.0	

Sumber: Laporan Syarikat Penarafan dari Bahagian Ekonomi dan Kewangan, IKIM

- b. Bagi tahun 2019 dan 2020, IKIM tidak mengambil tindakan untuk mengatasi penurunan *rating* program/rancangan yang dilaporkan oleh syarikat penarafan tersebut. Bagaimanapun bermula tahun 2021, IKIM telah menetapkan jumlah sesi perbincangan strategik dan pelan tindakan setiap kali keputusan dari syarikat penarafan diperoleh bagi membincangkan rancangan yang akan dikekalkan, ditambah baik atau ditamatkan.
- c. Semakan Audit mendapati pada tahun 2021, dua sesi perbincangan strategik telah diadakan untuk mengambil langkah penambahbaikan pada 21 Jun 2021 dan 11 hingga 12 November 2021 setelah menerima Laporan RAM daripada syarikat penarafan.

- d. Semakan Audit selanjut terhadap penerbitan TV IKIM mendapati **penilaian juga tidak dibuat terhadap setiap penerbitan program/rancangan bagi menentukan program/rancangan yang mendapat tontonan tinggi atau sebaliknya.**

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Analisis oleh syarikat penarafan menyatakan penurunan jumlah pendengar tidak hanya berlaku kepada Radio IKIM, penurunan juga berlaku kepada stesen radio yang lain. Menurut syarikat penarafan tersebut, penurunan jumlah pendengar pada tahun 2020 dan 2021 berlaku disebabkan faktor luaran iaitu pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP serta kecenderungan pendengar beralih ke platform lain seperti *podcast* dan sebagainya.

IKIM akan mengadakan bengkel pemantapan tahunan perancangan penerbitan rancangan radio, jadual tugas penyampai, aktiviti promosi dan program acara serta mengadakan sesi perbincangan strategik setiap kali keputusan kaji selidik daripada syarikat penarafan diperolehi.

Pendapat Audit | **Pengurusan aktiviti media secara keseluruhannya adalah memuaskan. Kelemahan berlaku pada penetapan tempoh masa dalam membuat permohonan dan meluluskan penerbitan program/rancangan radio; serta pengukuran dan penilaian terhadap program/rancangan media.**

5.2.3. Pengurusan Pengiklanan

- a. Penubuhan radio IKIM secara khususnya adalah untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman Islam selari dengan matlamat penubuhan IKIM. Bagaimanapun, IKIM turut menggunakan medium radio sebagai platform untuk mendapatkan pendapatan tambahan melalui penawaran pakej pengiklanan dan penajaan.
- b. Sebanyak lapan pakej pengiklanan dan penajaan ditawarkan oleh IKIM sepanjang tahun 2019 hingga 2022 iaitu *Rational Spots Rates; Package Spots Rate; Live Read; Capsule; Talk Show Rate (Special Sponsorship); Sponsorship Program Rates (Standard Sponsorship); Social Media; dan Package Loose*. Kadar harga pakej yang ditawarkan adalah antara RM50 hingga RM11,610 dan durasi siaran iklan antara 10 saat hingga 60 minit.

- c. Laporan Kaji Selidik Pendengar Radio IKIM tahun 2021 terhadap 837 dan 274 responden masing-masing pada siri 1/2021 dan 2/2021 serta Laporan Syarikat Penarafan tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan tiga waktu pilihan tertinggi untuk mendengar radio IKIM iaitu pada jam 6.00 hingga 10.00 pagi (06:00–10:00) dengan bilangan pendengar seramai 220 hingga 900 ribu. Waktu seterusnya adalah pada jam 4 petang hingga 8 malam (16:00–20:00) sebanyak 154 hingga 726 ribu pendengar dan pada jam 10 pagi hingga 1 petang (10:00–13:00) sebanyak 141 hingga 567 ribu pendengar.
- d. Semakan Audit mendapati IKIM telah mengisi **waktu pilihan pendengar tersebut dengan pengiklanan berbentuk penajaan seperti talk show rate (special sponsorship)**. Slot masa yang ditawarkan pada pakej *talk show rate* tersebut adalah seperti dalam **Jadual 19**. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Kekerapan Pengiklanan bulan Februari dan Mac 2022 mendapati **penawaran pengiklanan dan penajaan dibuat pada dua waktu yang menjadi pilihan pendengar tertinggi iaitu antara jam 10 pagi hingga 1 petang dan 4 petang hingga 8 malam**. Antara contoh iklan yang disiarkan pada slot masa tersebut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 19
PERINCIAN KADAR PAKEJ TALK SHOW (SPECIAL SPONSORSHIP)

WAKTU SIARAN	DURASI TALK SHOW (Minit)	KADAR MENGIKUT PROGRAM (RM)	HARI
11:00 - 11:30	15	5,200	Isnin, Selasa, atau Khamis Rabu
14:00 - 4:30	15	4,447	Isnin, Selasa, Khamis, Sabtu atau Ahad Rabu
18:15 - 18:45	15	5,253	Isnin, Selasa, atau Khamis Rabu
12:00 - 12:30	15	5,200	Sabtu atau Ahad

Sumber: Bahagian Ekonomi dan Pemasaran, IKIM

JADUAL 20
CONTOH IKLAN TALK SHOW (SPECIAL SPONSORSHIP)

BIL.	PRODUK	TARIKH	WAKTU SIARAN*	DURASI SIARAN (Minit)
1.	Jus Peria Katak	28.02.2022	11:15 - 11:45	
2.	Rumah Hutan	15.02.2022	11:15 - 11:45	
3.	Perumahan	24.02.2022	11:15 - 11:45	
4.	Aqiqah	23.02.2022	18:15 - 18:45	
5.	Aqiqah	15.02.2022	18:15 - 18:45	
6.	Dakwah Dan Pengajian	02.03.2022 09.03.2022	11:15 - 11:45	30
7.	NGO	03.03.2022 17.03.2022	18:15 - 18:45	
8.	NGO	09.03.2022 23.03.2022 28.03.2022 30.03.2022	18:15 - 18:45	
9.	MySalam	21.03.2022	11:15 - 11:45	

Sumber: Laporan Kekerapan Pengiklanan bulan Februari dan Mac 2022, IKIM

Nota: (*) - Termasuk siaran lagu

- e. **Penyiaran iklan berbentuk talk show selama 30 minit secara berterusan (termasuk lagu) ini didapati tidak selari dengan objektif penubuhan radio secara khusus dan secara amnya untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman Islam.**

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022

Dua waktu puncak bagi radio adalah dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi manakala waktu puncak bagi sebelah petang adalah sekitar jam 4.00 petang hingga 8.00 malam. Jumlah keseluruhan jam adalah sebanyak 8 jam (waktu puncak). IKIM hanya memperuntukkan 15 minit (6.25%) daripada 4 jam siaran pada waktu puncak sebelah petang bagi pengiklanan berbentuk *talk show*. Jumlah baki minit siaran pada waktu puncak sebelah petang sebanyak 225 minit (93.75%) adalah untuk pengisian rancangan dan program berbentuk ilmiah.

IKIM berpandangan rancangan bual bicara berbayar harus diteruskan kerana ia merupakan salah satu punca pendapatan utama kepada IKIM untuk menampung kos operasi dan aktiviti selain geran kerajaan. Pada masa sama, pakej *talk show* tersebut mendapat sambutan yang tinggi daripada pelanggan. IKIM juga bersetuju sekiranya ditukar kepada program penajaan *Standard Sponsorship* namun untuk mendapatkan penaja pada waktu ini bukan perkara yang mudah kerana kebanyakan pelanggan lebih gemar berbicara sendiri secara langsung (live) dalam bual bicara dan nilaiannya

tajaan pada waktu tersebut juga agak tinggi. Sekiranya rancangan slot *talk show* ini ditamatkan, anggaran pendapatan IKIM akan berkurangan antara RM400,000 hingga RM1 juta setahun.

Pendapat Audit | **Aktiviti pengiklanan yang merupakan sebahagian daripada aktiviti media telah dilaksanakan dengan memuaskan kerana merupakan penyumbang utama kepada peningkatan hasil IKIM. Walaupun aktiviti pengiklanan meningkatkan pendapatan tetapi didapati tidak selari dengan objektif kerana waktu puncak bilangan pendengar diisi dengan slot bual bicara berkenaan iklan produk dan perkhidmatan yang berdurasi panjang. Keutamaan slot tersebut sepatutnya dimanfaatkan untuk penyiaran program ilmuan/islamik yang memberi kefahaman/pendidikan berkaitan Islam.**

5.2.4. Pengurusan Koleksi Tamadun Islam

- a. Perpustakaan IKIM bertanggungjawab mengurus KTI yang terdiri daripada buku dan jurnal dalam pelbagai bidang ketamadunan Islam dan mempunyai lebih daripada 20 bahasa yang meliputi subjek kesenian, sejarah, bahasa dan sastera, kajian daerah, kajian perbandingan serta kajian masyarakat. Koleksi ini telah dibeli dari perpustakaan Ars Libri Ltd. di London dan diterima oleh IKIM pada 23 Ogos 2008 dengan kos keseluruhan berjumlah RM10.16 juta melibatkan 8,064 naskah. IKIM memaklumkan, tujuan perolehan KTI adalah untuk memperkayakan ilmu yang boleh memberi manfaat kepada rakyat serta menggalakkan ulama dan bakal pelajar menyumbang kepada tradisi pembelajaran dalam Islam. **Gambar 1** dan **Gambar 2** menunjukkan antara KTI yang ditempatkan di perpustakaan IKIM.

GAMBAR 1**GAMBAR 2**

Perpustakaan IKIM
- Buku Nadir, Koleksi Tamadun Islam
(26.07.2022)
(Sumber: IKIM)

b. Semakan Audit mendapati **tiada perancangan yang teliti disediakan semasa perolehan KTI.** Aspek pemeliharaan dan pemuliharaan serta tatacara penggunaan KTI juga tidak disediakan terlebih dahulu sebelum perolehan dijalankan. Tatacara penggunaan KTI hanya diwujudkan pada bulan Ogos 2011 iaitu selepas tiga tahun perolehan. Selain itu, kakitangan IKIM/Pustakawan juga tidak diberi pendedahan/latihan untuk mengendalikan KTI semasa perolehan dan penerimaan KTI. Berdasarkan penilaian semula yang dibuat oleh pihak yang dilantik oleh IKIM pada 23 Mei 2022, didapati berlaku penurunan nilai KTI berjumlah RM2.43 juta berbanding nilai KTI pada tahun 2009 iaitu RM10.88 juta. Nilai KTI terkini adalah RM8.45 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 21.**

JADUAL 21
JUMLAH NASKAH KTI BERDASARKAN KATEGORI DAN PENILAIAN HARGA

BIL.	KATEGORI KTI	CATATAN	BILANGAN NASKAH	PENILAIAN HARGA (RM)		
				2008	2009	2022*
1.	Buku Nadir	Buku yang ditulis dan diterbitkan sebelum atau pada tahun 1950 mengandungi perkara tambahan yang sangat berharga seperti tandatangan atau catatan bertulisan tangan pengarang asal atau tokoh terkenal dan yang lain-lain seumpamanya; dan/ atau Buku yang sukar diperoleh, terbitan habis cetak atau tiada dalam pasaran.	930	10,165,125	10,880,000	3,429,400

BIL.	KATEGORI KTI	CATATAN	BILANGAN NASKHAH	PENILAIAN HARGA (RM)		
				2008	2009	2022*
2.	Buku Bukan Nadir	Buku yang ditulis dan diterbitkan pada tahun 1951 dan ke atas.	3,999			3,743,236
3.	Jurnal Ilmiah	Pemberitaan atau komunikasi yang memuat Karya Ilmiah dan diterbitkan dalam bentuk elektronik dan/atau bercetak.	3,135			1,276,503
JUMLAH KESELURUHAN			8,064	10,165,125	10,880,000	8,449,139

Sumber: Dasar Pengurusan KTI, IKIM

Nota: (*) - Penilaian Harga adalah setakat 9 Mei 2022

- c. **Koleksi ini didapati tidak dimanfaatkan** sepenuhnya mengikut objektif perolehan. KTI **hanya disimpan dan tiada rekod akses/penggunaan daripada tarikh diterima pada tahun 2008 hingga 2016**. Akses KTI mula dibuka kepada penyelidik dan kakitangan IKIM pada tahun 2016. Sehingga bulan September 2020, seramai 96 orang telah menggunakan KTI tersebut. KTI kemudian telah dilancarkan secara rasmi pada 4 September 2020 dan dibuka untuk penggunaan/lawatan kepada warga kerja IKIM, ahli perpustakaan dan orang/agensi luar yang telah mendapatkan kebenaran khusus daripada Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pengarah/Pustakawan. Bagaimanapun, **rekod lawatan log perpustakaan menunjukkan hanya lima pengguna perpustakaan telah menggunakan KTI selepas pelancaran pada 4 September 2020 hingga bulan Ogos 2022**. Semakan Audit mendapati, kadar penggunaan KTI ini masih rendah disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan kurang pemakluman serta promosi kepada golongan sasaran.
- d. IKIM telah mewujudkan satu platform yang dinamakan sebagai IKIM *Digital Asset Management* (IDAM) untuk mengarkibkan semua harta intelek IKIM dalam format digital bermula pada tahun 2014. Merujuk kepada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 19 Jun 2020, IKIM akan menandatangani MoA dengan Arkib Negara Malaysia (ANM) untuk pendigitalan KTI yang akan diadakan pada 4 September 2020 selaras dengan Majlis Pelancaran KTI. **Bagaimanapun, pendigitalan KTI didapati masih di peringkat perancangan**. IKIM memaklumkan MoA bersama dengan ANM juga belum dimeterai dan tiada tindakan dilaksanakan untuk mengarkibkan koleksi tersebut dalam format digital.

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022 dan 7 Disember 2022

Pelancaran KTI pada 4 September 2020 merupakan penghebahan secara rasmi berkenaan KTI yang dimiliki oleh IKIM setelah aktiviti pengkatalogan selesai dilaksanakan. Bagaimanapun, KTI masih belum dibuka untuk penggunaan kerana syarat yang diperlukan untuk penggunaan masih belum dipenuhi sepenuhnya iaitu:

- i. dasar pengurusan dan tatacara penggunaan KTI serta borang permohonan penyelidikan perlu dibangunkan;
- ii. peralatan pengendalian KTI semasa penggunaan bahan;
- iii. pemeliharaan dan pemuliharaan bagi memastikan keadaan fizikal KTI terpelihara daripada kerosakan;
- iv. penyediaan prasarana dan kemudahan yang sesuai;
- v. pendigitalan KTI bagi memudahkan rujukan dan mengurangkan sentuhan fizikal; dan
- vi. pendokumentasian KTI bagi memudahkan akses kepada bahan.

Selain itu, KTI masih tidak dapat dibuka untuk penggunaan kerana kerja pengubahsuaian perpustakaan sedang dijalankan.

Kerjasama dengan ANM dalam aspek pendigitalan KTI (khususnya buku KTI yang bersaiz besar) telah bermula pada tahun 2020. Proses menyemak dan memuktamadkan isi kandungan dokumen kerjasama mengambil masa yang lama selain PKP telah menyebabkan kelewatan dalam menandatangani dokumen kerjasama tersebut. Bagaimanapun, dokumen kerjasama tersebut telah diserahkan kepada IKIM pada 28 September 2022 untuk dimuktamadkan dan ditandatangani. Jangkaan selesai menandatangani dokumen kerjasama pada tahun 2023.

Selain daripada itu, untuk meningkatkan rujukan dan penggunaan KTI, Perpustakaan IKIM akan membuat pemakluman dan promosi KTI melalui kaedah seperti penyediaan *flyers*, penerbitan khas dan projek penyelidikan berkaitan Islam di Rusia dan Islam dalam bahasa Ibrani.

Pendapat Audit | Objektif perolehan KTI untuk memperkaya ilmu yang boleh memberi manfaat belum tercapai memandangkan jumlah penggunaan atau rujukan terhadap koleksi pada tahap yang sangat rendah. Selain itu, berlaku penurunan nilai harga KTI berbanding harga asal perolehan akibat kelemahan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan KTI.

5.2.5. Pengurusan Keahlian IKIM

- a. IKIM membuka keahlian kepada individu yang mempunyai objektif yang sama dan berminat untuk mencapai objektif IKIM. Perkara 12 dalam Perlembagaan IKIM menetapkan bilangan ahli yang dicadangkan untuk didaftar ialah seramai 1,000 orang. Setiap ahli dikehendaki membayar yuran kemasukan berjumlah RM100 dan yuran tahunan berjumlah RM100 seperti yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati setakat bulan Jun 2022, **jumlah keahlian ialah seramai 60 (6%) orang sahaja** berbanding cadangan yang dinyatakan dalam Perlembagaan IKIM. Jumlah keahlian yang terhad disebabkan oleh keputusan mantan Pengerusi pada 14 Disember 2020 yang menghadkan jumlah keahlian kepada jumlah sedia ada pada ketika itu.

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022 dan 7 Disember 2022

Keahlian IKIM lebih memfokuskan kepada perkongsian ilmu dan pengalaman daripada tokoh-tokoh ulung dalam pelbagai bidang akademik, sektor korporat, teknologi, kerajaan, NGO, Sabah, Sarawak dan mualaf bagi bersama-sama meningkatkan kefahaman Islam masyarakat dalam dan luar negara. IKIM akan memperhalusi dan mengkaji semula peruntukan berkaitan keahlian dan membawa isu ini ke mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2022.

Pendapat Audit | Pengurusan keahlian IKIM adalah kurang cekap berdasarkan jumlah keahlian hanya seramai 60 orang (6%) berbanding cadangan yang dinyatakan dalam perlembagaan iaitu 1,000 ahli. Bilangan keahlian yang rendah mengurangkan peluang untuk perkongsian ilmu dan pengalaman dengan lebih ramai tokoh ilmuwan.

5.2.6. Pengurusan Aset Tanah

- a. Garis Panduan SBMJ menetapkan bahawa syarikat tidak boleh memiliki atau mengambil apa-apa tanah tanpa lesen yang dikeluarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna⁶ (Menteri). Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2021, IKIM memiliki dua lot tanah iaitu di Pahang dan Sabah masing-masing bernilai RM12.95 juta dan RM24.29 juta selepas penilaian semula nilai tanah pada tahun 2020. Pemilikan tanah di Pahang adalah secara kurniaan daripada Kesultanan Pahang manakala tanah di Sabah dibeli berdasarkan harga premium berjumlah RM416,393 daripada Kerajaan Negeri Sabah. **Lot tanah tersebut telah dimiliki oleh IKIM selama 24 tahun bagi tanah di Sabah dan 27 tahun bagi tanah di Pahang.**
- b. Semakan Audit mendapati **IKIM tidak memohon kepada Menteri untuk memiliki kedua-dua lot tanah tersebut.** Pihak IKIM tiada pengetahuan mengenai keperluan untuk mendapatkan lesen. Selain itu, semakan Audit juga mendapati **tiada sebarang aktiviti/pembangunan dijalankan pada kedua-dua lot tersebut sehingga kini.** Hal ini kerana IKIM belum mempunyai perancangan untuk membangunkannya. IKIM didapati telah membelanjakan sejumlah RM0.53 juta untuk cukai tanah sejak tarikh pemilikan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22, Gambar 3** dan **Gambar 4.** Sekiranya tanah ini dimanfaatkan, ia boleh menjana pendapatan seperti hasil sewaan dan sebagainya.

JADUAL 22
SENARAI PEMILIKAN TANAH OLEH IKIM

NO. LOT	LOKASI	TARIKH MILIK TANAH	NILAI TANAH (RM Juta)	KELUASAN (Hektar)	CUKAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH CUKAI DIBAYAR (RM)
PT 45745	Indera Mahkota, Kuantan, Pahang	1995	12.95	4.047	10,117 (1995 - 2019)	455,265
					101,170 (2020 - 2021)	
PT 97010025	Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	01.01.1998	24.29	4.041	1,000 (1998 - 2001)	75,470
					2,800 (2002 - 2004)	
					3,710 (2005 - 2021)	
					JUMLAH	530,735

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, IKIM

⁶ Mulai 3 Disember 2022, dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

GAMBAR 3

Lot 45745 Indera Mahkota, Kuantan, Pahang
 - Tiada sebarang aktiviti/pembangunan
 dijalankan
 (30.08.2022)

(Sumber: Agensi Angkasa Malaysia)

GAMBAR 4

Lot 97010025 Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah
 - Tiada sebarang aktiviti/pembangunan
 dijalankan
 (30.08.2022)

(Sumber: Agensi Angkasa Malaysia)

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022 dan 7 Disember 2022

IKIM dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan kelulusan kepada Menteri bagi pemilikan kedua-dua lot tanah tersebut seperti ketetapan Akta Syarikat 2016. Kelewatan permohonan kelulusan disebabkan tiada pengetahuan berkenaan keperluan tersebut di samping IKIM belum mempunyai perancangan muktamad bagi membangunkan tanah-tanah tersebut. Bagaimanapun pada 29 Jun 2022, mesyuarat Lembaga Pengarah telah meluluskan pembangunan Pusat Latihan IKIM di Kuantan, Pahang. Kerja pembangunan dijangka akan bermula pada bulan Januari 2023 dan disiapkan pada bulan Disember 2026. Tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah bersetuju untuk membangunkan tanah di Sabah sebagai pejabat IKIM Cawangan Sabah. Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan IKIM Cawangan Sabah juga telah diwujudkan bagi tujuan ini.

**Pendapat
Audit**

Pengurusan asset tanah adalah kurang cekap kerana kelulusan pemilikan belum diperolehi dan tanah tersebut tidak dibangunkan atau dimanfaatkan walaupun pemilikan telah melebihi 20 tahun.

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai SMBJ di bawah JPM, pengurusan IKIM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Perlembagaan Syarikat, Garis Panduan Tadbir Urus Korporat, SOP dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, rujukan boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2021, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* (Green Book) April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 (MKD Handbook) dan panduan tadbir urus daripada *Standard Chartered Institute of Internal Auditors* serta Garis Panduan SBMJ.

5.3.2. Semakan Audit mendapati tiga daripada lapan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Ketua Pengarah dan Audit Dalam telah diamalkan sepenuhnya. Lima aspek tadbir urus yang tidak diamalkan sepenuhnya adalah Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI serta Jawatankuasa Audit. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
1. Lembaga Pengarah	
Green Book perenggan 2.1: Setiap Pengarah hendaklah hadir ke mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya 50% daripada bilangan keseluruhan mesyuarat Lembaga Pengarah dalam setahun.	Dua Pengarah didapati tidak mencapai tahap 50% kehadiran mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2019.
Green Book perenggan 1.4.4: Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.	Tiada penyertaan/kehadiran kursus oleh Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2019 hingga 2021.
Garis Panduan Tadbir Urus Korporat IKIM: Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diadakan enam kali setahun.	Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan lima kali setahun bagi tahun 2019 dan 2021.
2. Setiausaha Syarikat	
MCCG 2021 amalan 1.5, panduan G15: Setiausaha Syarikat berperanan menguruskan logistik, menghadiri dan mencatatkan minit semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan jawatankuasa serta memudah cara komunikasi Lembaga Pengarah.	Tiga minit mesyuarat Lembaga Pengarah yang disediakan tidak ditandatangani oleh Setiausaha dan Pengerusi mesyuarat.
3. Prosedur Operasi Standard (SOP)	
MKD Handbook perenggan 1.9 (c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28: Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.	SOP yang disediakan masih boleh dibuat penambahbaikan daripada segi meletakkan tempoh bagi setiap prosedur yang ditetapkan.

AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
SOP Syarikat: Pematuhan terhadap SOP yang telah diluluskan (merangkumi SOP pengurusan kewangan dan SOP aktiviti syarikat)	SOP tidak dipatuhi: <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemakluman kelulusan penyelidikan kepada Lembaga Pengarah. • Permohonan lanjutan masa penyelidikan lewat diluluskan. • Rancangan radio disiarkan sebelum mendapat kelulusan Ketua Pengarah.
6. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	
Green Book Bahagian 1 Perenggan 3.2: Lembaga Pengarah disaran untuk memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI yang diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.	KPI pada Pelan Strategik 2021-2023 didapati tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah sebaliknya hanya dibincangkan dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan pada 10 Mac hingga 12 Mac 2022 yang tidak melibatkan Lembaga Pengarah. Beberapa perubahan telah dibuat pada indikator KPI yang ditetapkan.
5. Jawatankuasa Audit (JKA)	
MCCG 2021 amalan 9.5: Semua ahli JKA hendaklah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan dan dapat memahami perkara di bawah bidang kuasa JKA termasuk proses pelaporan penyata kewangan.	Pengerusi dan seorang ahli JKA tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas IKIM yang diterima pada 26 Oktober 2022 dan 7 Disember 2022

a. Lembaga Pengarah

- i. Perlembagaan IKIM tidak menetapkan secara khusus tahap/jumlah kehadiran yang perlu dipenuhi oleh Lembaga Pengarah. Namun sebagai penambahbaikan, Setiausaha Syarikat akan menasihati Lembaga Pengarah agar dapat memenuhi jadual mesyuarat dan memastikan perkara ini tidak berulang.
- ii. Setiausaha Syarikat ada mencadangkan tentang keperluan penyertaan latihan luar untuk dihadiri oleh Lembaga Pengarah dalam laporan prestasi bertarikh 28 Mei 2021. Sebagai penambahbaikan bermula pada tahun 2022, Setiausaha Syarikat akan berhubung dengan Lembaga Pengarah bagi mendapatkan senarai persidangan, seminar, latihan dan kursus yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah setiap tahun. Senarai tersebut akan diserahkan kepada Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Ketua Unit Modal Insan setiap hujung tahun untuk simpanan rekod.
- iii. Jadual Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2019 telah mengalami sedikit pindaan kerana kelewatan mengadakan mesyuarat berikutan Pengerusi IKIM hanya mula dilantik pada 1 Februari 2019 setelah kekosongan jawatan selama lima bulan. Ketidakcapaian pada tahun 2021 pula disebabkan oleh keadaan semasa pandemik Covid-19 yang masih melanda di samping kekosongan jawatan Pengerusi IKIM bermula 29 Ogos 2021. Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM

dirancang diadakan sebanyak enam kali setahun tetapi ia juga bergantung kepada kekangan dan keperluan iaitu sekiranya terdapat isu kritikal dan penting maka Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah boleh diadakan.

b. Setiausaha Syarikat

Minit mesyuarat tidak ditandatangani pada tahun 2020 disebabkan oleh pelantikan Setiausaha Syarikat yang baru dibuat dan pejabat Setiausaha Syarikat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP.

c. Prosedur Operasi Standard

IKIM akan meneliti dan memperkemaskan prosedur dan garis panduan agar kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan dan proses kerja lebih cekap serta teratur.

d. Pelan Strategik dan KPI

Pelan Strategik 2021-2023 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 18 Disember 2020. Lembaga Pengarah memutuskan PSI seterusnya akan dilaksanakan untuk tempoh tiga tahun iaitu 2021 hingga 2023 dengan mengekalkan 10 Teras Strategik yang sedia ada. Selain itu, penambahbaikan akan dibuat terhadap Objektif Strategik, Indikator Pencapaian dan Daftar Risiko. Sebarang perubahan indikator KPI pada masa hadapan akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

e. Jawatankuasa Audit

Pemilihan ahli JKA tidak tertumpu kepada individu yang berlatar belakang dan berpengetahuan dalam bidang kewangan sahaja kerana objektif penubuhan IKIM adalah untuk memberi kefahaman Islam yang tepat dalam pelbagai cabang ilmu. Pelantikan dua ahli yang berlatar belakang selain bidang kewangan adalah wajar bagi mengimbangi peranan dan tanggungjawab JKA dalam mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah IKIM berhubung penyata kewangan dan laporan kewangan lain yang dikeluarkan, maklumat kuantitatif prestasi aktiviti IKIM yang diaudit dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah IKIM.

Pendapat | Secara keseluruhan amalan tadbir urus korporat IKIM adalah Audit baik.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan IKIM untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program/aktiviti penyelidikan dan media telah dicapai. Bagaimanapun, prestasi output KPI IKIM adalah pada tahap memuaskan kerana walaupun kesemua 10 KPI utama tidak dicapai, namun enam daripadanya telah mencapai antara 81% hingga 96.6%. Pencapaian output bilangan penyelidikan dan penerbitan pusat kajian secara keseluruhannya adalah baik; dan pencapaian output bilangan penyiaran baharu adalah sangat baik. Kedudukan kewangan IKIM adalah stabil dengan lebihan pendapatan terkumpul berjumlah RM86.11 juta, namun IKIM masih bergantung kepada geran Kerajaan dan keuntungan pelaburan.

6.2. Pencapaian keberhasilan adalah sangat baik bagi aspek penglibatan penyelidik dan penerbitan bertaraf antarabangsa serta pengiktirafan dan anugerah yang diterima. Aspek pengukuhan imej IKIM pula berada pada tahap baik namun jumlah liputan media peringkat kebangsaan tahun 2020 serta bilangan resolusi/laporan diserahkan kepada pihak berkepentingan tahun 2021 tidak mencapai sasaran. Aspek penarafan IKIM di radio, TV dan media sosial hanya di tahap memuaskan kerana berlaku penurunan pada *ranking* Radio IKIM di kalangan stesen berbahasa Melayu, jumlah penonton TV IKIM dan jumlah *likes* Facebook.

6.3. Pencapaian pengurusan aktiviti bagi aspek aktiviti penyelidikan; aktiviti media dan pengiklanan adalah memuaskan. Pengurusan KTI pula tidak mencapai objektif perolehannya manakala pengurusan aset tanah dan keahlian IKIM adalah kurang cekap. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan proses pemakluman kelulusan pelaksanaan penyelidikan kepada Lembaga Pengarah, permohonan kelulusan tempoh lanjutan masa penyelidikan dan kelulusan penerbitan rancangan radio. Selain itu, skop yang ditetapkan dalam satu daripada tiga kerjasama penyelidikan serta penilaian program/rancangan tidak dilaksanakan. Aktiviti pengiklanan didapati telah menyumbang kepada peningkatan hasil IKIM, namun penyiaran iklan berdurasi panjang pada waktu puncak tidak selari dengan objektif IKIM. Objektif perolehan KTI pula belum tercapai kerana jumlah penggunaan atau rujukan terhadap KTI sangat rendah dan terdapat kelemahan dalam pemeliharaan serta pemuliharaan KTI. Di samping itu, pengurusan keahlian IKIM adalah kurang cekap disebabkan jumlah keahlian hanya 6% daripada ketetapan seramai 1,000 ahli. Tanah yang dimiliki pula tidak dimanfaatkan dan tidak mendapat kebenaran pemilikan.

6.4. Bagi aspek amalan terbaik tadbir urus korporat, secara keseluruhannya berada pada tahap baik, namun memerlukan penambahbaikan bagi lima aspek iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI serta JKA.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi aktiviti penyelidikan dan media serta memantapkan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah IKIM perlu mengambil langkah yang berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. proses pemakluman kelulusan pelaksanaan penyelidikan kepada Lembaga Pengarah, permohonan kelulusan tempoh lanjutan masa penyelidikan dan kelulusan penerbitan rancangan perlu ditambah baik;
- ii. matlamat dan skop kerjasama perlu dirancang dengan baik dan memastikan ia dilaksanakan serta dapat dicapai. Kajian dan analisis terhadap penerbitan rancangan perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan bilangan pendengar dan penonton ditingkatkan;
- iii. pengisian iklan produk komersial pada waktu puncak radio IKIM perlu dikaji semula kesesuaianya agar mengandungi elemen informasi Islami seiring dengan objektif penubuhan IKIM;
- iv. meningkatkan usaha memperkemaskan pengurusan KTI agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada semua lapisan masyarakat dan mencapai objektif perolehan buku nadir;
- v. meningkatkan usaha untuk menambah keahlian IKIM atau mengkaji semula Perlembagaan IKIM agar bilangan keahlian bertambah selari dengan keperluan sebenar berdasarkan kepada matlamat meningkatkan kefahaman Islam;
- vi. kebenaran pemilikan tanah daripada Menteri perlu dimohon dan tanah yang dimiliki wajar dimanfaatkan untuk mengelakkan daripada pembaziran sumber; dan
- vii. memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI serta JKA.